


**Jilid III  
Bil. 27**



**Hari Selasa  
27hb November, 1973**

**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI**  
OFFICIAL REPORT

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KETIGA**  
*Third Parliament*

**PENGGAL PARLIMEN KETIGA**  
*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
**[Ruangan 3173]**

**USUL:**

**Kajian Semula Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia Kedua**  
**[Ruangan 3199]**

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT YANG KETIGA**

*Penyata Rasmi*

**PENGGAL YANG KETIGA**

---

Hari Selasa, 27hb November, 1973

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

**YANG HADIR :**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru Timur).
- Yang Berhormat Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ Menteri Pertahanan, DATUK HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Penerangan, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian Selatan).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas, Y.M. TENGGU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGGU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

- Yang Berhormat Menteri Tugas-tugas Khas, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Segamat Utara).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Timbalan Menteri, Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah, TUAN MOHAMED BIN UJANG, K.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ DATUK HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SBRI (Johor Timur).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).
- „ DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).
- „ TUAN BUJA GUMBILAI (Tuaran).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN, A.M.N. (Ulu Kinta).
- „ TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).

- Yang Berhormat TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- .. TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- .. TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- .. TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).
- .. DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- .. TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- .. TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- .. TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- .. TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- .. TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- .. TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- .. Tuan HOR CHEOK FOON (Damansara).
- .. TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- .. TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- .. DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S. (Bandar Sibul).
- .. TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- .. TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- .. TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- .. TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- .. TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- .. TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- .. TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- .. TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- .. TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- .. DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- .. TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- .. TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- .. TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- .. TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- .. TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- .. TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- .. DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- .. Wan MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- .. TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- .. TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).

Yang Berhormat TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).

- .. TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- .. TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- .. TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- .. RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, S.M.S., P.J.K. (Kuala Selangor).
- .. TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- .. PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- .. TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- .. TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- .. DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- .. DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.D.K. (Kuala Kedah).
- .. TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- .. TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- .. DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- .. TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- .. TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- .. WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- .. TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- .. PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- .. TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- .. DATUK TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).
- .. DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- .. TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- .. TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- .. TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- .. TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- .. TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- .. TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- .. TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

**YANG TIDAK HADIR:**

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Luar Negeri, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).

- .. Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).

Yang Berhormat Menteri Tak Berpotfolio, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).

- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABUJL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timur).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan)
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ DATUK SRI S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).

YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am, PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Dilantik).

- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN WONG SENG CHOW.

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Ng Cheng Kuai.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Salleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar Shariff bin Md. Saad.

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

### JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

#### PENUBUHAN "KARTEL-KARTEL" OLEH PENIAGA-PENIAGA

1. **Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada Kerajaan menentang penubuhan "kartel-kartel" oleh peniaga-peniaga besar dan samada Kerajaan akan mengemukakan satu Rang Undang-undang untuk melarang penubuhan "kartel-kartel" itu untuk memastikan supaya peniaga-peniaga tidak bersatu untuk mengeksploit pengguna-pengguna.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Musa Hitam):** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini perbekalan-perbekalan dalam undang-undang yang sedia ada sudahpun mencukupi untuk mengelakkan kemungkinan kejadian kartel seperti yang disebutkan itu.

Pihak Kerajaan tidak akan teragak-agak menggunakan perbekalan-perbekalan dalam undang-undang itu bila-bila masa juga terjadinya kartel yang bertujuan memeras rakyat jelata.

**Tuan Peter Paul Dason:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jikalau Undang-undang sekarang adequate, kenapa Malaysia hari ini seperti mana yang dikatakan oleh Menteri Kewangan one of the most cartel-ridden countries in the world?

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun kedudukan di dalam Malaysia dari segi kedudukan ekonominya berhubung dengan pengeluaran bahan-bahan dan sebagainya adalah didapati bahawa Undang-undang yang ada sekarang ini mencukupi, dan apabila didapati kejadian-kejadian kartel itu dan ada bukti-buktinya bahawa pengusaha-pengusaha menjalankan tindakan kartel ini, maka Kerajaan telahpun mengambil langkah-langkah yang tertentu.

**Tuan Peter Paul Dason:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menteri Kewangan ada mengatakan Malaysia is one of the most cartel-ridden countries di dunia. Yang Berhormat Timbalan Menteri sekarang berkata kalau ada kartel baharu Kerajaan akan mengambil tindakan. Bolehkah Dewan ini membuat satu kesimpulan bahawa Timbalan Menteri tidak bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Menteri Kewangan?

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab ada didapati kejadian kartel kadang-kala di dalam masa beberapa tahun yang lepaslah, maka Undang-undang yang berkenaan telah disediakan dan ada beberapa kala di mana Undang-undang ini telahpun digunakan untuk mengelakkan dan mencegah kejadian kartel ini seperti tindakan yang telah diambil berhubung dengan apa yang telah terjadi kepada pengeluaran gula di dalam negara kita pada permulaan tahun ini, misalnya. Pada masa itu kita telah menggunakan Undang-undang mengelakkan kartel ini supaya gula cukup dan sampai kepada rakyat jelata.

**Tuan Peter Paul Dason:** Tuan Yang di-Pertua, Menteri Kewangan mengatakan Malaysia is one of the most cartel-ridden countries itu bukan pada tahun 1972 atau tahun 1971, tetapi bulan Ogos tahun ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Betul beliau kata begitu, dan langkah-langkah telah diambil selepas itu.

#### BARANG-BARANG KELUARAN TEMPATAN

2. **Dr Chen Man Hin** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau sedar barang-barang keluaran tempatan seperti tepung, pakaian dan bahan-bahan binaan seperti kayu-kayu dan batu-bata telah juga naik harga dan samada langkah-langkah yang berkenaan telah diambil supaya harga barang-barang keluaran tempatan berpatutan hadnya.

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat perkara ini telahpun diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila menjawab soalan dari Yang Berhormat Dr Tan Chee Khoo semalam pada 26-11-1973.

**Tuan Loh Jee Mee:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kerajaan memikirkan harga barang-barang buatan tempatan sekarang sangat patut?

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, soal inipun telah dibangkitkan dan dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semalam.

### MEMBEKALKAN BARANG-BARANG KEPADA PEMBORONG

**3. Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada benar bahawa kilang-kilang perusahaan di negeri ini telah bersetuju membekal 30% daripada barang-barang mereka kepada pemborong-pemborong dan pembahagi-pembahagi di bawah Dasar Ekonomi Baru; jika ya, nyatakan nama kilang-kilang perusahaan dan barang-barang yang mereka bekalkan.

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, kilang-kilang perusahaan yang mengeluarkan bahan-bahannya untuk penggunaan dalam negeri telah bersetuju pada dasarnya kepada matlamat membekalkan 30% daripada keluaran mereka kepada pemborong-pemborong dan pembahagi-pembahagi bumiputra di bawah Dasar Ekonomi Baru terutama sekali barang-barang yang mana pemasarannya tertakluk kepada sistem agensi seperti rokok, simen, batang besi, cuka getah, alat-alat letrik, susu dan sebagainya.

Kementerian saya sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru telahpun mengambil beberapa langkah yang tertentu supaya matlamat ini tercapai.

Sayugia dimaklumkan bahawa kemajuan yang diperolehi adalah bergantung kepada beberapa faktor termasuklah:

- (i) jumlah bilangan syarikat-syarikat Bumiputra serta keupayaan mereka untuk mengambil bahagian dalam bidang pembahagian barang-barang terutama sekali dari segi kemudahan dan pemasaran;
- (ii) setakat mana syarikat-syarikat dan agensi Bumiputra dapat mengujudkan perasaan kepercayaan (confident) ke atas pembekal/pekilang terhadap mereka sebagai pembahagi;

(iii) terdapatnya perkembangan pasaran sesuatu barang itu supaya perkembangan ini dapat menampung memasukkan pembahagi-pembahagi yang baru khususnya pembahagi-pembahagi Bumiputra.

Oleh sebab ada begitu banyak kilang-kilang perusahaan maka tidaklah dapat saya nyatakan nama-nama kilang-kilang perusahaan-perusahaan itu satu-persatu dan barang-barang keluaran mereka di Dewan ini.

### INFLASI—IMBANGAN MATAWANG

**4. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah tindakan yang Kementerian beliau telah atau ber-cadang hendak ambil untuk mencegah pengimpot-pengimpot dari membuat keuntungan sebanyak 100% atau lebih tinggi lagi yang beliau sendiri sudah mengakui sebagai salah satu sebab-sebab utama berlakunya inflasi.

**Timbalan Menteri Kewangan (Datuk Mohamed bin Rahmat):** Tuan Yang di-Pertua, nilai ringgit Malaysia telah naik sebanyak 28% terhadap dollar Amerika dan 28.6% terhadap £ Sterling pada 15hb November apabila dibandingkan dengan kadar-kadar yang sedia ada pada penghujung bulan November, 1971 sebelum Perjanjian Smithsonian atas perkara penyusunan semula imbalan matawang. Walaupun inflasi di Amerika dan United Kingdom telah meningkat pada kadar lebih kurang 6% setahun dalam dua tahun yang lalu, ini adalah tidak mencukupi untuk menghilangkan kesan kenaikan kadar yang tinggi bagi nilai ringgit Malaysia. Dengan itu harga-harga barang impot dari Amerika, United Kingdom dan lain-lain negeri yang mana nilai matawang mereka telah turun berbanding dengan ringgit Malaysia sepatutnya turun bersama. Tetapi ini tidak berlaku. Dengan itu, adalah jelas bahawa beberapa pengimpot membuat keuntungan yang besar.

Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sekarang sedang menaksirkan samada pengimpot-pengimpot membuat perubahan tertentu atas harga-harga mereka. Satu daripada langkah-langkah yang akan menolong menunjukkan samada pengimpot-pengimpot telah mengurangkan harga-harga mereka ialah dengan mengenakan mereka itu menunjukkan tanda-tanda harga pada peringkat-tingkat pengedar dan pemborong. Kerajaan

akan menggunakan peruntukan-peruntukan tertentu di dalam perundangan yang sedia ada untuk menjamin bahawa pengimpot-pengimpot dan pengedar-pengedar akan mengenakan harga-harga yang berpatutan.

Kerajaan telahpun mengambil beberapa tindakan dalam perkara ini dengan menarik balik kawalan impot atas 61 jenis barang dalam bulan Ogos tahun ini, membebaskan kota impot bagi kain-kain, memberi pengecualian duti impot atas beberapa barang binaan, kertas pencetakan untuk suratkhbar dan kegunaan am, dan lain-lain lagi dan memberi pengecualian daripada cukai tambahan atas impot untuk kertas-kertas pencetakan bagi suratkhbar dan kegunaan am.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menjawab soalan saya. Soalan saya ialah adakah betul bahawa keuntungan sebanyak 100% atau lebih tinggi oleh pihak pengimpot-pengimpot ialah satu sebab-musabab mengakibatkan inflasi di negeri kita. Itu bukan dikatakan oleh saya, tetapi oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan saya percaya bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan adalah seorang Menteri yang sangat berpengalaman dan berjawatan yang tinggi tidak akan membuat kenyataan yang tidak berasas. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu kepada Dewan ini dan negara kita adakah pengimpot-pengimpot untung lebih 100% dan mengakibatkan kenaikan harga barang-barang dan jikalau ada berapakah jumlah pengimpot-pengimpot dan apakah tindakan tegas yang telah diambil, bukan mahu disiasat. Adakah itu bererti bila Yang Berhormat Menteri Kewangan bercakap; itu satu percakapan yang tidak berasas?

**Datuk Mohamed bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu membacakan balik jawapan yang telah saya sebutkan tadi, dan sebenarnya perkara inipun telah dijawabkan tadi. Suka saya menyatakan di sini bahawa saya hormat kepada kenyataan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka tadi bahawa setiap kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan bukanlah satu kenyataan yang semata-mata hendak dibuat atau dengan tidak mempunyai makna apa-apa pun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, jikalau kenyataan itu dibuat bukan semata-mata sahaja dan kita ada bukti pengimpot-pengimpot yang mendapat untung 100% dan apakah tindakan yang sudah diambil terhadap pengimpot-pengimpot itu? Kenapakah selepas mengadakan bukti-bukti Kementerian sedang siasat lagi seperti kata Yang Berhormat Menteri, siasat apa?

**Datuk Mohamed bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya tidak hendak bacakan balik jawapan saya tadi sebab sudah terang. Seperti saya sebutkan tadi bahawa dengan adanya kadar kenaikan matawang kita sepatutnya harga barang yang diimpot ini turun, tetapi kenyataan bahawa benda ini tidak berlaku. Boleh jadi ada pengimpot-pengimpot yang membuat keuntungan besar, berapa besar keuntungan itu tidak bolehlah hendak ditetapkan sejauh mana melainkan kita betul-betul selidiki perkara itu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri akan membetulkan kenyataan Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa ada pengimpot-pengimpot yang telah untung 100%?

**Datuk Mohamed bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, saya katakan tadi tindakan-tindakan dan langkah-langkah sedang kita ambil.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehlah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil terhadap pengimpot-pengimpot yang mendapati keuntungan lebih atau berjumlah 100%.

**Datuk Mohamed bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, kerana Ahli Yang Berhormat ini lambat sampai, saya bacakan balik jawapan kepada soalan ini.

“ . . . . Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sedang menaksirkan samada pengimpot-pengimpot membuat perubahan tertentu atas harga-harga mereka. Satu daripada langkah-langkah yang akan menolong menunjukkan samada pengimpot-pengimpot telah mengurangkan

harga-harga mereka ialah dengan mengenakan mereka menunjukkan tanda-tanda harga pada peringkat-peringkat pengedar dan pemborong. Kerajaan akan menggunakan peruntukan-peruntukan tertentu di dalam perundangan yang sedia ada untuk menjamin bahawa pengimpot-pengimpot dan pengedar-pengedar akan mengenakan harga-harga yang berpatutan . . . . .”

### KENAIKAN HARGA

**5. Tuan Hor Cheok Foon** minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau sedar bahawa harga barang-barang buatan tempatan telah melambung naik sejak pelaksanaan Cukai Jualan 5%, jika tidak, nyatakan harga semua barang-barang buatan tempatan sebelum dan selepas pengenaan Cukai Jualan dan bahagikan barang-barang itu mengikut yang mana dibuat oleh pengilang-pengilang tempatan, luar negeri atau pengusaha bersama.

**Datuk Mohamed bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar bahawa harga-harga telah naik. Bagaimanapun saya perlu menyatakan di sini bahawa kenaikan harga yang tinggi hanya berlaku baru-baru ini sahaja dan keadaan ini adalah disebabkan terutama sekali oleh inflasi yang diimpot. Berkenaan dengan cukai jualan, saya suka menarik perhatian bahawa sebanyak 649 jenis barang-barang adalah dikecualikan daripada cukai tersebut dan barang-barang itu termasuk semua bahan-bahan makanan penting dan barang-barang keperluan asas.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Timbalan Menteri menyatakan barang-barang yang harganya dinaikkan oleh sebab inflasi yang diimpot katanya. Kalau sekiranya beliau sedar barang-barang yang keluar daripada kilang-kilang di tanahair kita yang mana benda itu foreign import contents kecil seumpama saw mill di negara kita, kayu balak itu tidak datang daripada Finland atau Scandinavia tetapi datang daripada hutan kita. Kalau sekiranya benda itu yang mana kita tidak mengimpot daripada luar negeri harganya semua dinaikkan oleh sebab cukai jualan. Bolehkah Timbalan Menteri atau Kementerian Kewangan menimbang bagi membatalkan atau menarik balik cukai jualan supaya kita boleh mengurangkan inflasi di tanahair kita.

**Datuk Mohamed bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, masalah kenaikan harga ini dari segi cukai jualan itu bukanlah salah satu sebab yang menyebabkan kenaikan harga dan perkara ini telahpun ditimbulkan semalam dan saya percaya saya tidak akan menambahkan lagi di atas kenyataan yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari semalam.

**Tan Sri Syed Jaafar bin Hasan Albar:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Menteri yang berkenaan memberitahu Dewan ini adakah ubat-ubat yang digunakan oleh doktor-doktor termasuk dalam barang-barang asas yang telah dikecualikan daripada cukai?

**Datuk Mohamed bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan tadi ada sebanyak 649 jenis barang-barang dan barang-barang keperluan asas dan di sini ada jumlah barang-barang yang dikecualikan daripada cukai jualan. Kalau Ahli Yang Berhormat itu hendak tahu bolehlah lihat kandungan ini dan dari segi ubat-ubatan, saya rasa memang dimasukkan di dalam jadual ini.

**Tuan Hashim bin Gera:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan telah gagal ataupun tidak menjalankan tindakan yang tegas kepada pengilang-pengilang di dalam negara ini bahawa barang yang dibuat bukan datang dari luar negeri tetapi menaikkan harganya sampai 200 peratus kenaikannya seperti minyak kelapa. Hari ini harga minyak kelapa sebotol \$1.30 daripada harga 60 sen, sebiji kelapa 20 sen, hari ini 45 sen. Mengapa Kerajaan tidak mengawalkan barang itu? Adakah kerana gagal ataupun tidak tegas? Itu saya hendak tahu.

**Datuk Mohamed bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak buat statement memang mudah, tetapi kalau hendak dibuktikan, memang susah. Jadi kalau Ahli Yang Berhormat betul tahu atas perkara ini, minta bukti, kita pun hendak tahu samada betul atau tidak atas perkara ini.

**Tuan Hashim bin Gera:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau sudi Timbalan Menteri Kewangan itu marilah ikut saya datang ke Ipoh pergi ke pasar bahawa harga sebotol minyak kelapa ialah \$1.30. Kalau hendak, pada mesyuarat yang

akan datang saya bawa sebotol dalam Dewan ini, saya tunjukkan buktinya. (*Ketawa*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Apakah soalnya?

**Tuan Hashim bin Gera:** Dia hendakkan bukti, saya boleh bawa. Bersetujukah atau tidak?

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukti-bukti saya tidak mahu. Kalau ada soalan tambahan, boleh berdiri.

**Tuan Hashim bin Gera:** Soalan tambahannya, adakah tidak percaya yang saya kemukakan perkara ini betul ataupun tidak. Itu sahaja. (*Ketawa*).

**Datuk Mohamed bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, saya berkehendakkan bukti, kalau tidak ada bukti, itu cakap angin sahaja, boleh jadi.

**Tuan Hashim bin Gera:** Kalau hendakkan buktinya, saya akan bawa pada minggu depan. Bukan soal masuk angin keluar asap, tidak. (*Ketawa*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi apa keputusannya? (*Ketawa*).

**Tuan Hashim bin Gera:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan hendakkan bukti, tetapi bila saya hendak bawa bukti, dia tidak mengaku: "Sila bawa. . . ."

**Tuan Yang di-Pertua:** Tadi Ahli Yang Berhormat kata boleh bawa minyak kelapa sebotol ke sini.

**Tuan Hashim bin Gera:** Ya, dengan harganya sekali.

**Tuan Yang di-Pertua:** Barangkali itu lebih baik lagi, kalau bawa beberapa botol, boleh seorang satu botol. (*Ketawa*).

**Tuan Hashim bin Gera:** Tuan Yang di-Pertua, kalau begitu, tak upayalah saya. Tak terkajang batu sepuluh.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Pendirian Kerajaan ialah cukai jualan tidak ada berkaitan dengan inflasi. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberitahu

Dewan ini bahawa pendirian itu akibat daripada satu siasatan yang dibuat oleh Jawatankuasa Kerajaan atau tidak ada satu kajian yang dibuat oleh satu Jawatankuasa.

**Datuk Mohamed bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini bukan kita buat cara terburu-buru. Tentu telah kita timbangkan dan sebagaimana yang disebutkan tadi cukai jualan ini tidak dikenakan kepada barang-barang keperluan harian yang mustahak dan ada 649 jenis barang dan boleh jadi tiap-tiap barang itu ada lagi bahagian-bahagiannya. Barang-barang yang tidak dikenakan Cukai Jualan ini adalah sangat luas. Jadi tidaklah boleh dikatakan bahawa oleh kerana cukai jualan inilah yang menyebabkan naiknya harga barang-barang ini.

## CUKAI PENDAPATAN BERASINGAN

**6. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid** minta Menteri Kewangan menyatakan memandang bahawa di negara-negara asing dan juga di negara-negara jiran, cukai pendapatan adalah dikenakan berasingan di antara suami dan isteri, samada Kerajaan bercadang berbuat demikian.

**Datuk Mohamed bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang diketahui oleh Ahli Yang Berhormat bahawa Belanjawan 1974 akan dibentangkan di Dewan ini pada 5hb depan. Dengan itu, setakat ini saya tidak dapat memberi jawapan kepada soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat sebab jawapan yang positif ataupun negatif akan mengeluarkan apa yang ada dan yang tidak ada dalam Belanjawan tersebut. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sudah tentu memahami, cadangan-cadangan hasil Belanjawan ini tidak boleh disebutkan pada masa ini walaupun secara yang tidak langsung.

**Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid:** Soalan tambahan. Mengikut jawapan mesyuarat Dewan yang lepas bahawasanya pihak Kerajaan tidak dapat memisahkan cukai pendapatan ini di antara suami dan isteri. Saya suka bertanya, adakah pihak Kerajaan bercadang di dalam membentangkan belanjawan Dewan yang akan datang ini, sekiranya cukai pendapatan antara suami isteri ini tidak dapat dipisahkan, dapatkah tidak ditambah peruntukan umpamanya pada masa yang telah sudah seorang isteri

yang sudah bersuami diberikan peruntukan sebanyak \$1,000 ditambah kepada \$2,000 dan sebagai suami daripada \$2,000 ditambah kepada \$4,000 dan wanita yang bekerja yang belum bersuami diberi pendapatan \$2,000 dan ditambah kepada \$4,000.

**Datuk Mohamed bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, saya katakan tadi, saya tidak boleh sentuh atas perkara ini. Saya minta maaf kerana tidak dapat hendak menyebutkan apa-apa di atas perkara ini untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu.

### TANGKAPAN DALAM GERAKAN "JUDAS" DI SARAWAK

**7. Tuan Su Liang Yu** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sebab-sebab seramai 29 orang yang terkemuka termasuk cerdekan-pandai telah ditangkap dan ditahan di Negeri Sarawak baru-baru ini;
- (b) bagaimanakah mereka dikatakan telah berkerjasama dengan anasir-anasir sabersif dan apakah keterangan-keterangan yang membuktikan bahawa mereka benar-benar telah terlibat dalam hal sabersif; dan
- (c) samada beliau akan menimbang mengadakan Penyiasatan Awam untuk mengkaji sangkut-paut mereka dalam hal sabersif di peringkat Federal dan bukan di peringkat negeri kerana hal ini adalah hal nasional.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sebenarnya 30 orang telah ditangkap dalam Gerakan "Judas" di Negeri Sarawak baru-baru ini kerana mereka didapati melakukan kegiatan-kegiatan yang bertentangan dengan peruntukan-peruntukan "The Preservation of Public Security Regulations". Sehingga hari ini 27 orang daripada mereka itu telahpun dibebaskan setelah disiasat dan mereka itu telahpun memberi kerjasama yang penuh kepada Kerajaan. 3 orang telah dikenakan Perintah Tahanan di bawah undang-undang yang tersebut.
- (b) Saya enggan memberi butir-butir maklumat seperti yang diminta atas sebab-sebab keselamatan negara.

- (c) Saya tidak bercadang untuk mengadakan penyiasatan awam di peringkat Negeri ataupun peringkat Persekutuan.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan. Adakah Menteri yang berkenaan sedar sekarang ada orang bercakap kalau sekiranya orang yang terkenal, orang kaya seperti timber tycoon, doktor-doktor, akitek-akitek kalau ditahan, oleh sebab mereka ada wang atau ada kawan, tidak berapa lama kemudian dibebaskan, tetapi ada orang yang tiada kawan, tiada wang, tiada profession semuanya, masih ditahan, bukan satu dua bulan, tetapi bertahun-tahun . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan itu bukan di situ halanya, di sini.

**Dr Tan Chee Khoon:** Maaf, mereka ditahan beberapa tahun. Saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan, apakah sebab-sebabnya ada perbezaan tentang penahanan antara orang yang terkenal, yang ada wang dengan orang yang tidak terkenal atau tidak ada wang.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tidak ada perbezaan apa-apa, walau dia ada wang, walau dia doktor dan walau siapun.

**Raja Nong Cik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan. Saya dapat tahu daripada Menteri tersebut yang menyatakan iaitu ada 30 orang yang telah ditangkap baru-baru ini, kemudian dilepaskan, didapati bersalah, tetapi dilepaskan. Adakah begitu dasar Kerajaan? Sesudah didapati orang itu bersubahat dengan penganas kominis yang menghancurkan negeri ini, yang juga mengancam kehidupan orangramai dan hendak mengambil negeri ini secara kekerasan, sudah ditangkap dilepaskan begitu sahaja, kerana kononnya mereka itu akan bekerjasama dengan Kerajaan. Adakah begitu dasar Kerajaan?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, kalau seseorang yang ditangkap itu sudah disiasat dan tidak lagi dianggap akan mengancam keselamatan negara dan bekerjasama dengan Kerajaan, maka akan dilepaskan.

**Tuan Abu Bakar bin Umar:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana banyak yang kita tahu golongan-golongan yang kena tahan itu terdiri daripada orang-orang yang berpangkat

“Datuk” yang diberi kehormatan oleh negeri ataupun negara, adakah Menteri yang berkenaan bercadang untuk menarik balik title “Datuk” daripada mereka itu?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, soalan itu tidak patut dikemukakan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

**Dr Tan Chee Khoon:** Bolehkah Menteri berkenaan menjelaskan iaitu di antara sebab-sebab mereka yang ditahan baru-baru ini telah dibebaskan ialah kerana mereka bersahabat dengan Menteri-menteri dan oleh sebab mereka seperti kata dalam bahasa Inggeris boleh “pull string” mereka dibebaskan.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, itu satu implication yang saya tidak boleh sama sekali menerima kerana bukan mereka ada bersahabat dengan Menteri maka mereka dilepaskan, tetapi criterianya bahawa mereka tidak lagi dianggap mengancam Kerajaan dan juga mereka sekarang sudah memberikan kerjasama yang penuh. Kalau mereka mempunyai “pull string” mereka tidak akan ditangkap daripada mulanya.

**Datuk Haji Abdul-Rahman bin Yaakub:** Bukankah benar bahawa sebelum perkara ini berlaku beratus-ratus orang penuntut-penuntut yang ditangkap di bawah P.P.S.R. di Negeri Sarawak kemudian dibebaskan tidak sampai satu bulan, hanya dalam tempoh dua tiga minggu sahaja setelah pihak Polis mendapati bahawa mereka itu tidak lagi menjadi golongan yang akan mengancam keselamatan negara.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Saya setuju, Tuan Yang di-Pertua.

#### TANAH-TANAH MELAYU YANG TERGADAI

**8. Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan bilangan aduan-aduan yang telah dibuat hingga sekarang berkenaan “tanah tergadai” kepunyaan orang Melayu dan hasil tindakan Kerajaan dalam perkara itu.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda):** Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (FELCRA) telahpun menerima 216 aduan berkenaan dengan tanah-tanah orang Melayu yang telah tergadai. Sebanyak 86 daripada aduan-aduan itu telah ditolak oleh FELCRA oleh kerana orang-orang yang bukan Melayu tidak terlibat ataupun tanah-tanah yang berkenaan itu tidak termasuk dalam kawasan Rizab Melayu. Setakat ini 8 daripada aduan-aduan itu telahpun mendapat kelulusan dan diberi pinjaman penebusan berjumlah \$20,200 manakala aduan-aduan yang lain sedang diproses dan disiasat untuk diberi pinjaman tebusan.

**Tuan Hashim bin Gera:** Soalan tambahan. Adakah Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas tahu bahawa sebahagian kecil tanah orang Melayu itu sudah tergadai iaitu satu kawasan di negeri Perak, Gapis Estate sudahpun dibuat perjanjian pada zaman British dahulu, diberikan kepada syarikat penanaman getah orang Eropah pada tahun 1827, maka tanah itu dipunyai oleh Syarikat itu sehingga tahun 2,866, ertinya 999 tahun. Samada Kerajaan Perikatan memerintah lagikah atau kita hidup lagi belum tahu. Apakah tindakan yang akan dibuat oleh Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas supaya tanah itu dikembalikan semula kepada Malay Reservation, bukan sahaja di Negeri Perak tetapi di Negeri Kelantan sendiri ada berlaku demikian, agaknya Yang Berhormat Menteri itu semasa menjadi Menteri Besar Kelantan pun tahu, tetapi belum dapat menyelesaikan. Apakah langkah yang akan dibuat?

**Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda:** Tuan Yang di-Pertua, soalan itu tidak ada sangkut-pautnya dengan soalan yang dikemukakan pada awalnya. Soalan yang dikemukakan pada awal itu berkenaan dengan tanah-tanah orang Melayu yang telah tergadai kerana sesuatu sebab dan untuk menebus balik dengan wang yang diberi pinjam oleh FELCRA. Adapun perkara yang dibangkitkan itu satu soalan yang lain dan saya sedia menjawabnya kalau dikemukakan dengan soalan yang khusus.

### PEKERJA-PEKERJA TOL

**9. Puan Bibi Aishah binti Hamid Don** minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan bilangan pekerja-pekerja J.K.R. yang bekerja di jalanraya-jalanraya dan jambatan-jambatan tol di Malaysia; dan samada Kerajaan bercadang untuk meresapkan mereka ke perjawatan tetap, dan jika tidak, nyatakan rancangan-rancangan mereka untuk masa depan.

**Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong):** Tuan Yang di-Pertua, Jumlah pekerja-pekerja tol di jalan-jalanraya dan Jambatan Persekutuan ialah 54 orang kesemuanya. Mereka ini dilantik secara sementara dan Kerajaan pada masa ini belum lagi bercadang untuk menyerapkan mereka ke jawatan tetap. Kementerian saya akan mengambil tindakan yang sewajarnya bila keadaan menghendakinya ia berbuat demikian.

### MARKAH PEPERIKSAAN LISAN S.P.M. DALAM BAHASA MALAYSIA

**10. Tuan Chan Yoon Onn** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) adakah markah-markah yang didapati oleh penuntut-penuntut dalam Peperiksaan Lisan S.P.M. dalam Bahasa Malaysia yang diadakan pada bulan Oktober tahun ini akan menambah kepada markah-markah yang terdapat dalam peperiksaan tulisan yang akan diadakan dalam bulan November tahun ini untuk menimbangkan seorang penuntut itu lulus atau gagal dalam Bahasa Malaysia;
- (b) jika jawapannya ia, nyatakan:
  - (i) berapa peratus markah-markah diberi bagi peperiksaan lisan dan berapa peratus markah-markah pula diberi bagi peperiksaan tulisan; dan
  - (ii) adakah seseorang penuntut itu dianggap gagal Bahasa Malaysia jika ia tidak lulus dalam peperiksaan lisan.

**Menteri Pelajaran (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) tidak.
- (b) (i) dan (ii) tiada timbul.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr A. Soorian.

*Soalan No. 11—Yang Berhormat Dr A. Soorian tidak hadir.*

### PENGGANAS KOMINIS DI SEMPADAN MALAYSIA/THAI DAN SARAWAK/INDONESIA

**12. Raja Nong Chik bin Raja Ishak** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan pengganas-pengganas kominis di sempadan-sempadan Malaysia/Thai dan Sarawak/Indonesia;
- (b) apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan terhadap orang-orang yang bersubahat dengan pengganas-pengganas kominis;
- (c) samada menjadi dasar Kerajaan mengambil tindakan keras terhadap orang-orang bawah dan tindakan ringan terhadap orang-orang atasan seperti Datuk-datuk dan jutawan-jutawan yang bersubahat dengan kominis; dan
- (d) samada penyokong-penyokong kominis yang telah ditangkap dan dibebaskan baru-baru ini kerana mereka telah mengaku bahawa mereka tidak akan membantu pengganas-pengganas kominis lagi.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Saya enggan menyatakan bilangan pengganas-pengganas kominis di sempadan-sempadan Malaysia/Thai dan Sarawak/Indonesia di atas sebab-sebab keselamatan.
- (b) Tindakan yang sesuai mengikut undang-undang diambil terhadap mereka yang bersubahat dengan pengganas-pengganas kominis.
- (c) Tindakan mengikut undang-undang diambil ke atas mereka yang menjadi penyokong kominis tanpa mengira taraf dan kedudukan, sebagaimana saya sebutkan tadi.
- (d) Mereka yang ditahan telah dibebaskan kerana mereka tidak lagi dianggap mengancam keselamatan negara.

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan. Saya membaca dalam akhbar baru-baru ini iaitu ada datuk-datuk, ada jutawan-jutawan iaitu datuk-datuk yang telah diberi penghargaan oleh Kerajaan dan juga jutawan-jutawan yang telah diberi peluang-peluang yang banyak oleh Kerajaan kita, tetapi jutawan-jutawan dan Datuk-datukwan itu telah menolong penganas kominis. Jikalau mereka ini orang-orang miskin, kalau orang miskin dia itu susah kemudian dia jadi kominis, tetapi orang-orang ini adalah jutawan dan Datuk-datuk yang telah diberi penghargaan yang paling elok, kedudukannya yang cukup baik tetapi mereka ini yang menghentam dan membunuh beberapa banyak askar-askar kita. Apakah tindakan Kerajaan terhadap mereka ini, adakah cuma dilepaskan dan diampunkan sahaja. Adakah satu dasar Kerajaan pada masa akan datang jika datuk-datuk ataupun jutawan-jutawan ini menolong penganas kominis, maka mereka mestilah diberi hukuman yang lebih teruk dan berat daripada orang yang bukan jutawan dan datuk-datuk. Adakah Kerajaan akan berbuat begitu pada masa yang akan datang?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam menjalankan tugas-tugas ini kita hendaklah membuatkan mata kita dari segi adakah dia itu kaya atau miskin. Soalnya, adakah seseorang itu mengancam keselamatan negara. Inilah sahaja ukurannya.

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, adakah datuk dan jutawan ini mengancam keselamatan negara?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Apabila sampai masanya yang mereka ini tidak lagi mengancam keselamatan negara, maka mereka itu dibebaskan walaupun dia kaya, walaupun dia datuk, walaupun dia miskin.

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Kalau begini gayanya: hari ini tolong kominis, esok pagi dapat ampun; lusa tolong, tak dapat, esok mengancam lagi, begitukah dasar Kerajaan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang tadi belum berjawab lagi. Adakah itu soalan?

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Ya, saya hendak tanya begitu. Tetapi barangkali Menteri tak kuasa hendak menjawabnya, tak apalah.

**Tuan Abu Bakar bin Umar:** Soalan tambahan. Sebagaimana yang kita tahu selalu yang menjadi kominis ini kerana dia susah, dia jadi kominis, dan dapatkah Menteri yang berkenaan menyatakan yang jutawan ini apakah sebabnya dia menjadi kominis dan dia tolong kominis?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Orang-orang ini semua sudah dibebaskan, tanyalah dia.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan. Kita tentu sedar dan Menteri yang berkenaan telah menyatakan bahawa jutawan-jutawan, datuk-datuk dan sebagainya yang telah ditahan dalam Operasi Judas, mereka telah dibebaskan tidak berapa lama selepas ditahan mereka itu. Saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan, apakah bukti sebenar-benarnya yang mereka ini ditahan dan dibebaskan jika ada di masa akan datang mengancam keselamatan negara kita?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Cuba ulang sekali lagi soalan itu?

**Dr Tan Chee Khoon:** Saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan apakah bukti sebenar-benarnya yang Kerajaan atau Special Branch, mereka yang telah ditahan dan dibebaskan di masa akan datang tidak mengancam keselamatan negara kita?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, memang ada buktinya mengatakan bahawa mereka ini tidak lagi akan mengancam keselamatan negara ini.

**Tuan Hashim bin Gera:** Soalan tambahan. Sebelum soal saya kemukakan, saya mengucapkan tahniah dan mengangkat tangan memberi hormat kepada Kerajaan Negeri Sarawak terutama sekali kepada Ketua Menterinya kerana tegas dan berani menangkap walaupun sahabat, salah tetap salah, tetapi saya berasa dukacita mengapa Kerajaan tidak bertindak dengan keras dan menghukumkan orang itu daripada dibebaskan, mengapa?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya termenong mendengarnya (*Ketawa*). Ada jawapan? (*kepada Datuk Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub*).

**Datuk Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub:** Terima kasih sahajalah. (*Ketawa*).

### SYARIKAT GUINNESS MALAYSIA BERHAD

**13. Tuan Lim Cho Hock** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada Kerajaan sedar tentang amalan-amalan perdagangan yang tidak adil yang dilakukan oleh M/s. Guinness Stout (M) Sdn. Berhad dalam hal melarang peniaga-peniaga mereka daripada menjual minuman-minuman lain yang bersifat persaingan; jika ya, apakah tindakan-tindakan yang Kerajaan telah ambil untuk mencegah amalan-amalan perdagangan yang tidak adil seperti ini.

**Datuk Musa Hitam:** Kementerian saya sedar bahawa telah berlaku pertelingkahan di antara Syarikat Guinness Malaysia Berhad dengan pembahagi-pembahaginya baru-baru ini. Dengan jasa baik Kementerian saya, persetujuan yang memuaskan kepada kedua-dua pihak telahpun dicapai. Oleh sebab apa-apa peraturan yang dibuat di antara pengeluar dengan pembahagi-pembahaginya adalah berupakan peraturan persendirian, maka Kementerian saya akan hanya campur tangan sekiranya diminta oleh pihak-pihak yang bertelingkah untuk menyelesaikannya.

### PERCANTUMAN ANTARA SYARIKAT-SYARIKAT

**14. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau sedar bahawa banyak syarikat-syarikat di negara ini telah bergabung dan bersatu menjadi suatu syarikat besar dan jika sedar, samada Kementerian beliau bercadang mengadakan suatu undang-undang mencegah percantuman seperti itu.

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar bahawa ada berlaku percantuman di antara syarikat-syarikat yang sama besar, syarikat besar dengan syarikat kecil atau syarikat yang kecil dengan syarikat kecil sendiri. Percantuman ini telah dilakukan mengikut undang-undang yang sedia ada dalam Akta Syarikat, 1965.

Sesiapa pemegang-pemegang modal di dalam sesuatu syarikat yang dicadangkan untuk bercantum tetapi tidak bersetuju dengan cadangan itu bolehlah mengambil tindakan sewajarnya di bawah Bahagian VII Akta itu. Kerajaan telahpun menubuhkan suatu Jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Pelaburan Asing di bawah Jabatan Perdana Menteri dengan mandat untuk memeriksa dan mengawas semua percantuman, ambil alih dan penyatuan syarikat-syarikat di masa akan datang. Kriteria utama di dalam mentaksir dan menilai sesuatu cadangan itu ialah kepentingan negara dan kepentingan pihak-pihak yang berkenaan.

Tertubuhnya Jawatankuasa ini dan dengan adanya peruntukan-peruntukan di dalam Akta Syarikat 1965, maka di mana-mana percantuman yang bertentangan dengan kepentingan negara akan dapat dicegah.

### INFLASI—SEBAB UTAMA

**15. Dr. Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Kewangan samada beliau sedar bahawa inflasi di negeri ini adalah berpunca dari Cukai Jualan. Jika benar, tidakkah beliau bercadang untuk memansuhkan cukai ini bagi mengelakkan inflasi dalam negeri ini.

**Datuk Mohamed bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun menjawab soalan yang sama baharu sebentar tadi, dan saya tidak ada benda yang menambah lagi.

### LETUPAN BOM DI LINCOLN CULTURAL CENTRE

**16. Tuan Loh Jee Mee** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (i) samada pihak Polis sudah tamat menjalankan penyiasatannya ke atas letupan bom di Lincoln Cultural Centre di Ibukota baru-baru ini di mana beberapa orang rakyat telah tercedera; dan
- (ii) berikan satu lapuran yang lengkap mengenai letupan tersebut.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua.

- (i) pihak polis masih menjalankan penyiasatan ke atas letupan bom yang berlaku pada 19hb Oktober, 1973.

(ii) dari keterangan yang diketahui setakat ini, yang kita dapat pada 6.05 pagi 19hb Oktober, 1973, semasa seramai 15 hingga 20 orang pekerja-pekerja buruh Bandaraya Kuala Lumpur sedang berhimpun untuk panggilan nama harian di Bahagian Mansfield Travel Agency, yang berjiran dengan Bangunan Lincoln Cultural Centre, satu letupan berlaku sejauh lebih kurang 8 kaki dari mereka yang menyebabkan 7 orang dari mereka dan seorang lain mendapat cedera ringan. Mereka terus dikejarkan ke rumah sakit di mana kesemuanya dirawat sebagai pesakit luar.

Mengikut seorang buruh yang tiba di tempat kejadian tersebut pada 5.30 pagi beliau telah ternampak sebuah baldi plastik warna biru berisi sayur-sayuran yang menyerupai sawi dan bayam terletak di tempat kejadian tersebut tetapi oleh kerana tidak mengesyaki apa-apa beliau telah tidak menghiraukannya.

Pihak kimia telah memastikan bahawa letupan tersebut dipercayai berpunca dari sejenis bom yang dikatakan home made clock work time bomb. Dia pakai jam buatan sendiri.

**Tuan Goh Hock Guan:** Soalan tambahan. Bolehkah saya minta penjelasan daripada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berkenaan dengan letupan bom ini. Pada fahaman saya letupan ini adalah berikut dari tunjuk perasaan yang dilakukan di hadapan Lincoln Cultural Centre. Dan saya nampak dalam Talivesyen Malaysia bila tunjuk perasaan ini dilakukan di hadapan Lincoln Cultural Centre ini Menteri sendiri terus bertugas di tempat itu. Ini adalah satu langkah yang sesuai dan diberi tahniah. Tetapi kita nampak Menteri berjabat tangan dengan penunjuk-perunjuk perasaan di situ, bolehkah ini dikira sebagai satu velvet glove approach untuk menyelesaikan tunjuk perasaan ini? Kerana ini adalah satu tunjuk perasaan dan saya tidak mahu berlaku di negeri kita, dan selain daripada soalan tadi, bolehkah Menteri memberitahu, apakah polisi-polisi Kerajaan mengenai tentang tiap-tiap tunjuk perasaan di negeri kita samada di dalam kampus atau di luar kampus, adakah apa-apa distinction atau tidak?

**Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie:** Soalan yang pertama dan kedua, tidak ada kena-mengena dengan soalan ini. Tetapi kalau hendak jawab boleh juga saya jawab. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau tidak ada kena-mengena, tidak payah jawab.

### PEPERIKSAAN LISAN DALAM BAHASA MALAYSIA

**17. Tuan Chan Yoon Onn** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa cara peperiksaan lisan dalam Bahasa Malaysia yang dibahagi-bahagikan selama satu minggu itu adalah tidak adil kepada penuntut-penuntut yang mengambil peperiksaan itu pada hari pertama atau kedua dan menguntungkan penuntut-penuntut yang mengambil peperiksaan pada hari berikutan memandangkan bahawa pemeriksa diberi 40 tajuk-tajuk untuk menyoal penuntut-penuntut dan selepas hari pertama dan kedua semua tajuk-tajuk telah disoal dan penuntut yang mengambil peperiksaan pada hari-hari berikut dalam minggu peperiksaan itu sudah mempelajari sepenuhnya tajuk-tajuk tersebut yang mereka ketahui sedalam-dalamnya daripada penuntut-penuntut lain.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, tidak sedar. Sungguhpun peperiksaan lisan ini dijalankan selama satu minggu, cabutan-cabutan karangan untuk dibaca dan tajuk-tajuk untuk perbualan adalah berlainan bagi tiap-tiap hari.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan. Bolehkah Menteri Pelajaran menjelaskan apa sebab peperiksaan ini mengambil masa satu minggu dan oleh sebab itu murid-murid yang mengambil peperiksaan M.C.E. telah membuang masa satu minggu. Bolehkah di masa akan datang Kementerian Pelajaran mempercepatkan peperiksaan ini supaya penuntut-penuntut tidak membuang masa?

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, dengan sebab ramainya calon-calon masuk peperiksaan itu, terpaksa masa yang agak panjang sedikit diambil. Walau bagaimanapun, Kementerian saya akan berikhtiar untuk mempercepatkan peperiksaan ini pada masa-masa yang akan datang. Itupun tidak boleh diberi jaminan kerana makin ramai calon-calon maka makin banyak masa diambil.

### UJIAN BAHASA MENDAPATKAN KEWARGANEGARAAN

18. Tuan Tai Kuan Yang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar bahawa ujian bahasa bagi calon-calon untuk mendapat kewarganegaraan selalunya berasaskan atas pengetahuan yang memerlukan perbendaharaan kata yang luas dan pengetahuan khas di luar pengetahuan Bahasa Malaysia, dan jika ya, samada beliau akan menimbang menyemak semula asas ujian itu.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya ujian Bahasa tidak terkeluar dari peraturan yang ditetapkan.

Perkara ini telahpun dijawab di Dewan ini pada 12-5-1972 dan pada 23-8-1972 dua kali telah dijawab.

### PERMOHONAN KEWARGANEGARAAN—KELAMBATAN

19. Tuan Tai Kuan Yang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) samada beliau sedar tentang kelambatan dalam memproses permohonan kewarganegaraan, dan jika ya, mengapa; dan
- (b) berapa lama masa yang diambil untuk memproses satu-satu permohonan kewarganegaraan berdasarkan pada pengalaman yang lepas.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bagi tiap-tiap permohonan kewarganegaraan beberapa keterangan dan butiran diperlukan oleh pihak yang berkuasa sebagai asas untuk memproses permohonan tersebut. Kelambatan untuk menyelesaikan permohonan itu berlaku disebabkan oleh perkara-perkara seperti:
  - (i) Pemohon tidak menyatakan kesalahan-kesalahan jenayah yang telah dilakukan oleh mereka pada masa-masa lepas dan ini membawa kepada pendakwaan dalam Mahkamah;
  - (ii) Pemohon tidak mengisi sesuatu borang dengan sempurna dan lengkap;

- (iii) Tidak menjawab kuiri-kuiri daripada Jabatan Pendaftaran kerana mereka telah berpindah dari satu tempat ke satu tempat yang lain dengan tidak memberitahu penerangan alamat mereka itu;

- (iv) Tidak menunjukkan bukti-bukti berdokumen bagi menyokong permohonan-permohonan mereka.

- (b) Permohonan-permohonan kewarganegaraan secara Pendaftaran (Registration) yang didapati lengkap segala butiran yang diminta biasanya dapat diselenggarakan dalam masa 3 hingga 6 minggu. Permohonan-permohonan secara kemasukan (Naturalisation) perlu diselidiki, dikaji dan dihalusi dengan seberapa teliti; faktor ini serta dengan faktor-faktor yang saya sebutkan tadi mungkin menyebabkan permohonan-permohonan dalam kategori ini mengambil masa yang lebih panjang untuk diselesaikan daripada permohonan-permohonan secara pendaftaran. Dan juga saya menyatakan sekiranya satu-satu perkara itu didapati terlampau lambat atau tidak munasabah, sila berhubung dengan Biro Pengaduan Awam untuk menyiasat mengapa terlampau lambat atau berutus terus dengan saya sendiri.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana kebanyakan pemohon-pemohon kewarganegaraan telah ditolak, sungguhpun mereka lulus ujian Bahasa Malaysia dan ada memenuhi lain-lain syarat dan layak jadi warganegara, bolehkah Yang Berhormat Menteri menimbangkan, ambil satu dasar yang lebih liberal untuk membolehkan pemohon-pemohon yang lahir di Malaysia dan sudah berakar-umbi (put the root down in Malaysia) mendapat kewarganegaraan.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Saya tidak sanggup hendak menjawab perkara ini kerana saya rasa ini adalah tergantung di dalam Perlembagaan kita bahawa perkara ini telah terkunci dari segi Akta Hasutan.

**Tuan Goh Hock Guan:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah kita minta Menteri beri sedikit maklumat iaitu angka-angka orang

yang telah dapat kelulusan mengenai permohonan kewarganegaraan di negeri kita on the average per month.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Saya tidak dapat beri dengan tidak ada notis?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr A. Soorian.

(Soalan No. 20—Yang Berhormat Dr A. Soorian tidak hadir).

(Jawapan-jawapan Lisan bagi Pertanyaan-pertanyaan No. 11 dan 20 adalah diberi di bawah ini).

### PENGANGGURAN—TUBUHKAN JAWATANKUASA

**11. Dr A. Soorian** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada:

- (a) beliau sedar bahawa sungguhpun Kerajaan berusaha menyelesaikan masalah pengangguran melalui rancangan pembangunan, pengangguran masih semakin bertambah; dan
- (b) beliau akan menimbang untuk menubuhkan suatu jawatankuasa pakar-pakar yang berkuasa penuh tentang pekerjaan untuk menyediakan rancangan-rancangan bagi menyelesaikan masalah pengangguran dalam negeri.

**Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam):**

- (a) Hasil dari usaha-usaha rancangan pembangunan Kerajaan, keadaan pengangguran dalam negeri telah bertambah baik seperti terdapat dalam Kajian Semula Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia Kedua. Oleh itu, pengangguran tidak bertambah seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.
- (b) Kerajaan sedar akan masalah pengangguran dalam negeri dan menganggap tidak perlu menubuhkan sebuah jawatankuasa tertinggi yang terdiri dari pakar-pakar pekerjaan seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat. Jentera yang ada untuk mengatasi masalah ini sedang berjalan dengan memuaskan.

### PEMBUNUHAN KANAK-KANAK PEREMPUAN DI SEREMBAN

**20. Dr A. Soorian** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa dalam pembicaraan kes rogol serta pembunuhan seorang budak perempuan berusia sembilan tahun di Rembau, Negri Sembilan, tahun ini, pihak polis gagal memberkas orang yang disyaki dalam perkara ini walaupun abang budak perempuan itu telah memberitahu polis ia telah nampak adiknya dibawa dengan motosikal oleh orang yang disyaki itu;
- (b) samada beliau sedar bahawa pihak polis tidak menyedari dengan serta-merta tentang seriusnya kes ini dan menganggapnya seolah-olah kes aduan "kehilangan orang", walaupun ada bukti sebaliknya;
- (c) tindakan yang diambil oleh polis hingga sekarang dalam usaha mencari orang yang disyaki itu;
- (d) mengapa orang yang disyaki itu tidak ditahan pada masa itu juga untuk disoal; dan
- (e) apakah langkah-langkah yang telah diambil atau akan diambil oleh Kementerian untuk menyiasat kelalaian jabatan polis yang nyata ini.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):**

- (a) Mengikut apa yang dilaporkan kepada saya, seorang bapa berbangsa India telah membuat pengaduan di Balai Polis Mambau (bukan Rembau) di Daerah Seremban, Negri Sembilan pada 8hb Julai, 1973 jam 2.15 pagi atas kehilangan anak perempuannya berumur 9 tahun. Polis terus mengambil tindakan serta-merta dan seorang lelaki Melayu yang dikatakan telah dilihat oleh abang budak perempuan itu menumpangkan beliau di atas motosikal yang ditunggangnya telah pun dikesan. Apabila disoal oleh Polis, lelaki Melayu itu telah memberi penerangan dan menafi beliau terlibat seperti yang disyaki. Pihak Polis berpuashati lalu membebaskan beliau.
- (b) Pada masa itu tiada maklumat yang diterima untuk mengangap kejadian ini selain dari jenis "kehilangan

orang" atau "missing persons" yang lazim berlaku dari satu masa ke semasa.

- (c) Tindakan-tindakan yang lazim diperbuat telahpun dijalankan oleh pihak Polis untuk menangkap orang yang disyaki, seperti berikut:
- (i) Surat Pekeliling Polis telahpun dikeluarkan dan maklumat ini telah disiarkan kepada semua Balai Polis di Semenanjung Malaysia termasuk negara Singapura.
  - (ii) Gambar dengan butir-butir peribadi orang yang disyaki itu telahpun diberi kepada Mata-mata Beat dan kereta-kereta peronda.
  - (iii) Mata-mata Gelap telahpun diarah membuat penyiasatan dan Waran Tangkapan juga telah diperolehi.
- (d) Mayat budak perempuan itu tidak dijumpai sehingga 2 hari kemudian pada 9-7-73 selepas beliau dilaporkan hilang pada 7-7-73. Pada masa itu tiada bukti menunjukkan kesalahan rogol serta pembunuhan telah dilakukan untuk menangkap orang yang disyaki.
- (e) Kementerian ini berpuashati dengan tindakan yang telah diambil oleh pihak Polis mengikut peraturan-peraturan yang tertentu dibuat dalam perkara yang lazim.

## USUL

### KAJIAN SEMULA PERTENGAHAN PENGAL RANCANGAN MALAYSIA KEDUA

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambong semula Usul dikemukakan oleh Perdana Menteri dan Masalah dicadangkan:

Bahawa Dewan ini, *sambil menyedari* kejayaan cemerlang dalam masa tiga tahun pertama Rancangan Malaysia Kedua dalam usaha-usaha untuk mencapai dua matlamat utama Dasar Ekonomi Baru iaitu membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat Malaysia bagi memperimbangkan jurang perbezaan ekonomi antara kaum, *meluluskan* Kajian Semula Rancangan Malaysia

Kedua, dengan peruntukan-peruntukan perbelanjaan pembangunan awam yang dikaji semula bagi tujuan memenuhi matlamat-matlamat yang telah bertambah dari segi ukuran-ukuran dasar dan rancangan-rancangan pembangunan sebagaimana yang tercatat dalam Kertas Perintah No. 44 tahun 1973.

Bahawa, sambil meluluskan Kajian Semula Rancangan ini, Dewan *menyeru* agar semua rakyat Malaysia dari semua lapisan hidup dengan sepenuh azam akan membaharui dedikasi dan melibatkan diri mereka dalam usaha yang penuh cabaran ini bagi menentukan kejayaan sepenuhnya matlamat Rancangan Malaysia Kedua serta Dasar Ekonomi Baru dan dengan ini akan mewujudkan satu masyarakat yang adil dan saksama dan satu negara yang bersatu dan maju yang seharusnya dapat kita semua rakyat Malaysia banggakan dalam memberi perkhidmatan dan mempertahankan, sebagaimana yang dikehendaki oleh Rukunegara. (26hb November, 1973).

*Perbahasan disambung semula.*

3.28 ptg.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyambung ucapan saya pada petang semalam.

Dalam masaalah mengimbangkan pelajaran tinggi, walau ekonomi akan berkembang tetapi tidak ada guna kalau tidak meninggikan taraf ekonomi orang Melayu dengan pesat kerana mereka tidak terdapat dalam sektor-sektor ekonomi yang moden. Malaysia sedang berusaha untuk mempelbagai tanaman, mengawal banjir, mencari benih yang boleh mengeluarkan hasil yang besar, menyelenggarakan pinjaman kepada petani dan nelayan, mengembang perusahaan dan lain-lain lagi dalam Rancangan Malaysia Kedua. Malaysia memerlukan ramai orang iktisas, pentadbiran untuk mengendalikan rancangan-rancangan ini.

*Perbezaan Ekonomi Bumiputra*

Selain daripada itu, ada satu perkara istimewa dengan soal pembangunan Malaysia ini iaitu berkaitan dengan perhubungan antara bumiputra dengan bukan bumiputra. Pembangunan mesti kita diimbangkan supaya jurang perbezaan ekonomi bumiputra yang

begitu mundur dapat disamakan atau di-seimbangkan. Kiranya tidak dijayakan perimbangan ini, maka pembentukan satu masyarakat atau satu bangsa Malaysia akan terbantut.

### *Pelajaran Tinggi*

Dalam keadaan hendak mengimbangkan pelajaran tinggi ini, menurut himah saya dalam tahun 1971 dan 1975 walau kita cuba menambah angka pelajaran Melayu seperti di I.T.M., di Maktab Tuanku Abdul Rahman, di universiti-universiti yang ada sekarang, tetapi mari kita melanjutkan perhatian yang berat jumlah pelajar-pelajar bukan Melayu di Australia, di New Zealand, di Britain dan Amerika dan pusat-pusat pengajian yang kita iktiraf didapati jurang berbezaan ini dalam pelajaran tinggi ini akan terus menunjukkan tidak seimbang yang masih hebat. Kita tidak mahu menanti perkembangan pembangunan kelak, menjejaskan atau menodai matlamat Dasar Ekonomi Baru kita. Masalah ini, saya berpendapat, patut diambil perhatian oleh Kerajaan dengan memberikan kemudahan-kemudahan yang khas dan mengatasi masalah-masalah apa juga rintangan, halangan supaya kedudukan seimbang ini dapat dilaksanakan.

### *Inflasi*

Soal penghidupan rakyat Malaysia telah diselubungi oleh musim inflasi menyebabkan harga barang mahal, tetapi rakyat berasa lega bahawa Kerajaan mengusahakan bagi mengurangkan harga makanan dan lain-lain keperluan sehari-hari bila berjaya kelak tentu merengas lagi masalah yang dihadapi oleh rakyat yang berpendapatan rendah. Di antara perkara-perkara yang patut diusahakan dan difikirkan oleh Kerajaan dalam Dasar Ekonomi Baru ini bahawa Kerajaan hendaklah melonggarkan lagi dan menarik sekatan impot ke atas barang-barang yang tertentu.

Yang kedua, memotong lagi tarif dan cukai impot ke atas barang-barang keperluan.

Yang ketiga barang-barang makanan dan keperluan hari-hari hendaklah disalurkan kepada badan-badan yang berkanun seperti Persatuan Peladang, Syarikat Kerjasama di daerah-daerah. Saya berharap syarikat-syarikat di peringkat daerah ini akan mengambil barang-barang ini daripada pekilang-pekilang yang tersebut dengan hendaknya

saya mengharap Kerajaan memberi bekalan-bekalan ini kepada badan-badan yang berkanun peringkat pusat atau peringkat negeri. Dengan keadaan ini, beberapa kesulitan dialami oleh peniaga-peniaga bumiputra khasnya badan-badan yang saya sebutkan tadi macam-macam masalah yang akan timbul, kerana badan-badan di peringkat negeri kurang berupaya mengedarkan barang-barang tersebut itu kepada orang-ramai dengan memberi puas hati. Dalam Laporan Kajian Semula, Rancangan Malaysia Kedua dapat menyatakan bahawa hampir 2 juta orang Melayu berhijrah ke bandar. Saya adalah mengalu-alukan perkembangan berhijrah ke kota atau ke kawasan perusahaan yang sedang pesat membangun. Saya minta lebih ramai lagi orang-orang Melayu berhijrah dalam kawasan-kawasan ini.

### *Penghijrahan Melayu ke Bandar*

Kerajaan perlu menyedari dengan mendalam bahawa penghijrahan orang Melayu ini dengan angka yang begitu besar dari kampung dan desa pada hakikat yang sebenarnya, bukan mereka orang Melayu di kampung itu telah hilang pedoman hidup, atau putus mata pencarian, sebaliknya kita perlu memikir dan memerhatikan dengan garisan yang kasar, iaitu mereka ini dengan cara tak langsung menyahut dan menyempurnakan seruan Kerajaan atas dasar susunan semula masyarakat Malaysia yang menjadi matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Mereka mempunyai sifat kerelaan bagi menyertai pembangunan di bandar-bandar dengan tidak menghiraukan apa terjadi pada diri mereka, keluarga mereka walau gajinya murah, mereka rela duduk di bandar.

Mereka berhijrah bekerja, menjadi buruh kasar, bekerja dengan Kerajaan, dengan swasta setengahnya dengan pemborong-pemborong dan setengahnya berdiri sendiri dengan peniaga-peniaga secara kecil-kecilan. Ini satu cabaran kepada Kerajaan bagi menghadapi masalah 2 juta manusia yang disebutkan Melayu ini akan bertempat di bandar yang kekal bukan mereka akan balik semula ke kampung. Maka beberapa perkara yang patut diambil perhatian oleh Kerajaan dengan memberikan kemudahan-kemudahan dan kebajikan hidup mereka dan keluarga mereka. Kalau kita boleh mengeluarkan peruntukan wang kepada

mangsa-mangsa perpindahan banjir dengan menyediakan perkampungan kepada mereka mengapa tidak boleh kita mengambil perhatian kepada manusia Melayu yang berhijrah ke bandar ini demi kepentingan rakyat yang sama-sama hendak menyumbangkan khidmatnya dalam soal pembangunan di bandar itu.

Perkara yang dialami oleh manusia Melayu yang duduk di bandar ini selama ini, yang saya sendiri telah saksikan ialah masalah tempat tinggal mereka tidak begitu sempurna. Kesihatan mereka tidak begitu sempurna. Bekalan air mereka sangat mendukacitakan, begitu juga api. Demikian juga persekolahan anak-anaknya. Mereka ini masih kaya dengan jiwanya tidak mahu minta tolong dengan Kerajaan dengan sebab tak cukup makan, tetapi mereka terus menyempurnakan tugasnya apa yang dikehendaki oleh majikan mereka.

#### *Perumahan*

Saya fikir, masalah perumahan ini patut difikir untuk diberikan kepada mereka. Mereka rela membayar bayaran bulanan asalkan rumah itu selesa dan sempurna bagi mereka dan keluarganya. Saya harap keadaan hidup orang Melayu yang berhijrah ke bandar ini akan sama taraf dan seimbang kemudahan dan lain-lain perkara yang didapati oleh rakyat-rakyat yang ada sekarang, iaitu rakyat yang bukan bumiputra. Kita tak mahu bahawa kalau pelancung-pelancung datang ke dalam bandar ini bahawa melihat gerobok-gerobok buruk atau kawasan-kawasan yang meleset dihantar ke kampung-kampung orang Melayu yang berhijrah ke bandar ini. Ini tugas Kerajaan. Khidmat yang diberikan oleh rakyat yang bernama Melayu ini sanggup pindah ke bandar, sanggup mengubah masyarakat baharu Malaysia, tetapi tugas Kerajaan mesti memperbaiki taraf hidup mereka.

#### *Pendapatan Orang Melayu*

Tuan Yang di-Pertua, saya berbangga atas hasil lapuran Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua ini dapat memberikan kenyataan yang sah. Pendapatan orang Melayu yang paling rendah iaitu pendapatan yang kurang daripada \$100 hampir 85% daripada keluarga Melayu. Mereka terdiri dari pekebun kecil, penyewa tanah, pengambil upah di kampung-kampung dan

nelayan-nelayan. Walau Kerajaan mengadakan berbagai badan berkanun untuk mengatasi masalah ini sejak 15 tahun dulu, tetapi lapuran ini dikeluarkan dapat membuat kenyataan bahawa 85% orang Melayu yang miskin dalam negeri ini. Menurut himah saya, bagi memecahkan masalah ini hendaklah Kerajaan mengadakan satu rancangan pertanian yang berekonomik kepada mereka dan dikecualikan syarat-syarat umur yang ada berjalan kepada badan-badan berkanun sekarang.

Saya beri satu contoh, kalau seorang petani, kita hanya beri mereka itu satu ekar. Pada satu ekar ini bagaimana pergantungan hidup mereka boleh mendapat \$300 atau \$400 satu bulan. Jadi itulah sebab saya katakan bahawa pada masa yang akan datang Kerajaan akan menyediakan rancangan yang ekonomik kepada mereka supaya taraf hidup mereka itu kalau orang yang duduk dalam rancangan FELCRA atau FELDA mendapat satu bulan \$600, maka penanam-penanam padi ini juga kami mengharapkan supaya pendapatan mereka itu sama dengan itu.

#### *Sawah Padi*

Dalam masalah bersawah padi, gemar saya memberikan satu pandangan kepada Kerajaan. Kerajaan hendaklah menjadikan hasil utama Malaysia ini selain daripada apa yang ada sekarang, bijih, getah, kelapa, minyak, ditambahkan beras. Beras ini hendaklah diisytiharkan bahawa salah satu daripada hasil utama negeri ini ialah beras, sebab keadaan negeri ini sangat subur untuk tanaman ini. Kepada mereka yang hendak diberikan kawasan tanaman padi ini yang ada cara ekonomik dengan membuka rancangan tanah padi dua musim samada kita dudukan dia di Semenanjung Malaysia ini ataupun di Sarawak dan di Sabah. Sebab saya tahu di Sarawak dan di Sabah kawasan yang sangat luas berhubung dengan tanaman ini, dan saya fikir kedua-dua Kerajaan ini adalah dengan tangan terbuka mengalu-alukan kedatangan penanam-penanam padi kita yang sedang sesak terutama sekali di Utara Malaysia. Kita tengok di Kedah, Perlis, Perak, kawasan-kawasan ini sangat sesak sama sekali. Dengan keadaan yang macam ini kalau kita hijrahkan mereka ke Sarawak dan Sabah dan kemudahan-kemudahan diberi kepada mereka tentulah taraf hidup mereka akan lebih baik.

Beras ini, menurut himah saya bukanlah digunakan untuk makanan rakyat di Malaysia ini, tetapi kita boleh menolong negara dalam dunia ini yang sedang menghadapi kekurangan makanan yang sepanjang masa walaupun Malaysia ini negeri yang kecil, tetapi ada memberi khidmat antarabangsa pada memberikan makanan beras yang saya katakan tadi. Mudah-mudahan dengan ketekunan kita ini, Bank Dunia akan memberikan bantuan pada rancangan yang telah saya katakan.

#### *Pekebun Kecil Melayu*

Golongan orang Melayu yang miskin ini ialah pekebun-pekebun kecil. Saya kecuali-kan ucapan saya kepada penanaman kebun getah yang ada 5 ekar ke bawah, tetapi kita masih banyak lagi pekebun kecil yang bukan penanam getah. Mereka selama ini tertinggal. Mereka tak boleh masuk satu-satu rancangan Kerajaan. Tak boleh masuk Rancangan FELCRA, tak boleh masuk rancangan belia, tak boleh masuk rancangan FELDA. Golongan ini, yang sangat ramai, keadaan mereka diselubungi dengan berbagai-bagai masalah sebab tanah-tanah yang mereka tinggal itu tidak boleh mereka usahakan. Saya harap Lembaga Penyatuan Tanah Negara (FELCRA) akan mengambil tugas bagi memasuki mengadakan rancangan kepada pekebun-pekebun kecil ini.

Selain daripada itu, pekebun kecil kita ini juga ada memohon tanah Kerajaan di tiap-tiap Negeri sampai masa sekarang permohonan tanah mereka itu belum dapat diselesaikan. Maksud dan tujuan mereka dengan dapatnya tanah yang baharu itu boleh mengubah saaran hidup mereka. Masalah ini, walau berbagai-bagai kajian, walau bermacam-macam usaha yang dibuat oleh tiap-tiap Kerajaan Negeri sampai masa saya bercakap ini, ada lagi permohonan-permohonan tanah khasnya daripada orang bumiputra, orang Melayu ini atau yang bukan Melayu yang miskin ini yang belum dapat disempurnakan oleh Kerajaan. Ini satu perkara yang patut diberikan perhatian oleh Kerajaan demi hendak membaiki Dasar Ekonomi Baru kita dan hendak mengatasi masalah kemiskinan orang Melayu yang 85% tadi.

#### *Mengatasi Kemiskinan*

Akhirnya, dalam masalah mengatasi kemiskinan orang Melayu ini, saya harap

Kerajaan sentiasa memberikan latihan pertanian secara moden dan juga bantuan-bantuan yang ada kaitan pertanian. Kalau dahulu Kerajaan ada memberi subsidi kepada penanam-penanam padi kita 30% baja percuma, jadi dengan langkah ini, Kerajaan patut teruskan bantuan baja 30% itu. Dengan keadaan ini akan menyenangkan dan melegakan mereka pada mengusahakan rancangan-rancangan yang ditujukan kepada pertanian ini.

#### *Penyertaan Melayu dalam Perniagaan*

Saya cuba hendak memendekkan ucapan saya, kerana hendak memberi peluang kepada sahabat-sahabat saya yang lain. Saya minta izin, Tuan Yang di-Pertua, dalam 10 minit lagi berhubung dengan perkara yang saya nampak adalah penting iaitu berhubung dengan penyertaan orang Melayu dalam perniagaan moden. Kerajaan akan menubuhkan Jawatankuasa Peringkat Tertinggi mengenai perdagangan dan pelaburan asing. Masalah yang dihadapi oleh peniaga-peniaga Melayu yang tidak kurang azamnya hendak menyamai apa yang dibuat oleh peniaga-peniaga bukan Melayu dalam negeri ini.

Yang pertama, mereka telah menyusun kedudukan supaya lebih aktif dalam bidang ekonomi samada cara bersyarikat atau berseorangan, tetapi malangnya, pihak swasta masih enggan menyalurkan barang-barang kilang, barang-barang impot mereka melalui pengedaran bumiputra dengan memberikan alasan yang tidak menyenangkan hati bumiputra. Ini satu perkara yang patut Jawatankuasa ini mengambil perhatian. Mereka cuma mengalu-alukan Dasar Ekonomi Baru, tetapi pada melaksanakan sangat berat pada mereka. Mereka meneruskan penjualannya dan pengedarannya kepada sahabat-sahabat lama mereka yang mereka fikir layak dan mempunyai kemampuan kaya-rya. Sungguhpun Menteri telah mengeluarkan surat pekeliling kepada pengilang-pengilang ini, tetapi saya fikir ini seumpama air dijirus pada daun keladi. Saya harap kepada Jawatankuasa yang ditubuhkan ini, Kementerian akan mengadakan satu peraturan supaya pihak swasta atau pengilang ini dapat melaksanakan 30% penyertaan bumiputra dalam bidang perniagaan dan perusahaan menjadi pemborong, pengedar, menjadi wakil tunggal yang belum dapat dibanggakan, sehingga pengilang swasta

dalam negeri ini dimonopoli oleh satu-satu kaum juga dalam bidang tersebut, maka dengan ini adalah di antara satu-satu sebab-musabab, krisis harga barang terus berpanjangan.

Pihak swasta ini mengambil pekerja-pekerjanya, mendukacitakan, kerana tidak mahu mengamalkan Dasar Ekonomi Baru yang ada dalam Buku Merah yang ada di hadapan kita ini tersangat kurang bumiputra diambil dalam bahagian pengu-rusan, dalam bahagian iktisas, dalam bahagian teknik, hanya diambil ramai bumiputra itu dalam buruh kasar atau pekerjaan yang kurang mahir. Orang Melayu tidak boleh diambil lagi, alasannya konon orang Melayu belum boleh buat dalam perkara ini.

Saya harap perkara-perkara kejadian ini tidak akan berterusan kiranya kita mahu Dasar Ekonomi Baru ini dapat berjalan dengan baik. Badan-badan yang akan ditubuhkan ini boleh menyelesaikan masalah ini dengan memberi satu peraturan khas kepada tiap-tiap swasta dan pelabur modal kalau benar-benar hendak melihat Dasar Ekonomi Baru itu dapat diterima oleh bumiputra.

#### *Negara Perindustrian*

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha hendak menjadikan Malaysia ini negara perindustrian menurut ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pada tahun 1990, saya fikir Malaysia ini selayaknya diwujudkan negara perkilangan dan perindustrian, kerana negara kita kaya dengan bahan mentah, khazanah laut, bumi dan hutan dan hendaknya kita dari sekarang membuat barang-barang daripada hasil negara ini, diproses dalam negeri ini seperti getah, kelapa sawit, ikan, petrol, logam, kayu balak untuk diekspotkan. Daripada usaha ini kelak akan menambahkan lagi pekerja-pekerja dan mengurangkan pengangguran sebagaimana disebutkan itu, dan seberapa boleh jangan hendak dijadikan bahan-bahan mentah itu disediakan iaitu mengambil yang baik sahaja. Adakan pakar-pakar yang mahir dari luar negeri membuat penyelidikan lanjut supaya semuanya berfaedah.

#### *Kayu Balak*

Saya contohkan, dalam masaalah kayu balak. Pihak swasta atau pihak yang membeli kayu balak ini hanya menggunakan kayu

jenis yang baik sahaja, jenis yang tidak baik, puntung-puntung dan reja-rejanya dibuang. Kalau ada pakar yang boleh membuat kajian puntung atau rejanya itu kita jadikan habuk, dibuat papan dan lain-lain. Begitu juga dalam masalah kelapa sawit. Minyak yang kurang baik yang dikatakan minyak keladak itu hanya dibuang sahaja, tetapi kalau disiasat dan dikaji minyak yang terbuang itu akan menjadi hasil pada negara kita.

#### *Saham*

Dalam laporan kajian ini juga ada menyebutkan bahawa hak milik dan penguasaan negara masih dikuasai oleh orang-orang asing yang mempunyai lebih 60% daripada jumlah saham semua syarikat. Laporan ini telah memberikan satu kenyataan penguasaan negara ini 60% dipunyai oleh bangsa asing dari jumlah saham-saham semua syarikat. Selama Kerajaan tidak dapat memperseimbangkan hak milik selagi itulah perdagangan, perusahaan dan perniagaan dalam negeri kita ini menerima pergolakan dan kekecohan yang sukar diikuti oleh rakyat. Oleh sebab matlamat Dasar Ekonomi Baru hendak mendapatkan bumiputra 30% dalam lapangan ini dalam masa 20 tahun, saya mengesyorkan kepada Kerajaan 50% daripada saham bangsa asing ini dari sekarang hendaklah diberikan quota kepada bumiputra samada dengan sekali gus atau berperingkat-peringkat sebagai melaksanakan kehendak Kerajaan 30% bidang perniagaan dan perusahaan dimiliki oleh bumiputra, 40% bukan bumiputra dan 30% orang dagang.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih dan saya menyokong Usul ini.

3.50 ptg.

**Dr Tan Chee Khoon (Batu):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bercakap tentang Usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan di samping itu saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris juga.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya hendak mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan terhadap Laporan Kajian Semula Rancangan Malaysia Yang Kedua. Buku ini memang lengkap dan sempurna bukan untuk tahun 1971 hingga 1973, tetapi it gives us the estimates for the

remaining years of the Second Malaysia Plan, i.e. up to 1975, and it also gives us a peep at the future till 1990. All this will be of tremendous value not only to Parliamentarians but also to planners, students and social scientists not only in this country but the world over.

*(Dengan izin)* Unfortunately, Mr Speaker, Sir, this excellent Mid-Term Review is vitiated by the unseemly haste of the Government to debate this Review without giving us, the Members of Parliament, adequate time to study this very important and very interesting document. Most of us came to this House yesterday and saw this document for the first time. It is true that a few of us saw this document, and I was one of them, towards the end of last week, but I can honestly say that most of us did not have enough time to study this important document and that is why, Mr Speaker, Sir, you saw how on an important debate like this quite a number of us were absent yesterday because we could not just stand up and debate this important document without having studied it, and perhaps, without having consulted people who are knowledgeable in these things in order that we may make very useful contributions to this debate.

Mr Speaker, Sir, I do not say that the Government has deliberately intended to hasten this debate. I would like to think that somewhere along the line something has gone wrong. Perhaps, the people who were supposed to post this Mid-Term Review have been amiss and did not post it to us as early as they should have and, therefore, most of us received this Review rather late. I do hope, Mr Speaker, Sir, that on any future occasions when we have an important debate of this nature, the Government will see to it that they give us adequate time to study such documents so that we on this side of the House can make a useful contribution to the debate that will ensue.

Mr Speaker, Sir, I am sanguine enough to realize that the Government can bulldoze all that they want to do in this House. But I do hope that the Government, as I said just now, will give us adequate time to study such important documents in future before we debate them.

Mr Speaker, Sir, the Malaysian Press in general has gone into paeans of praise and ecstasy over the achievements of the first three years of the 2nd Five Year Plan. And the Prime Minister both at the Press conference and in his speech yesterday in this House tried to spread the spirit of euphoria and ecstasy all over the country. But before we are carried away by the euphoria that the Government and Prime Minister tried to generate, let us make a realistic and down-to-earth examination of the achievements of the 2nd Five Year Plan and measure the economic achievements in real terms. I say that the facts as they emerge from the mass of data in the Mid-Term Review would indicate that the progress, although substantial, has not been as good as to justify any complacency or euphoria on the part of the Government.

Now let us have a look at our economic growth. Here I would say right from the beginning and I admit that after the down swing for both the years 1971 and 1972 the estimated GNP for this year is a very impressive 20.4% at current prices. I would also admit that it is an impressive record that the GNP at current prices should grow at 11% during the period 1971-73 as compared with the Plan target of 6.5%. And the Prime Minister goes on to say that the national output at current prices can be expected to grow by 8.8% per year as compared to the Plan target of 6.5% per year.

But let us look at the national output in real terms which is what is important. Here the figures are not so impressive and indeed if compared with the inflation in this country, instead of being euphoric, there should be cause for caution, if not of apprehension, as I shall presently show.

Thus the Prime Minister himself admits that in real terms, the national output will grow at 6.9% as compared with the target figure of 6.8% for the five years. Looking closer at the GNP for the years 1971-75 these are the relevant figures that I have culled from Table 3-7, page 58. The figures are as follows:

	1971	1972	1973	1974	1975
GNP at current prices	5.6	7.5	20.4	5.7	5.5
GNP at constant 1970 prices	1.3	5.2	8.1	7.1	6.8

These then are the figures that should cause us to ponder a while and we should not be up in the clouds basking in the euphoria and ecstasy that the Government is seeking to generate in this country.

Finally, Sir, we must not lose sight of the fact that national unity is the overriding objective of the New Economic Policy. National unity involves the whole range of economic, social and political activities.

One fundamental prerequisite to the achievement of national unity is that the Government must set the example and model to approach all the socio-economic problems of the country in a strictly non-racial manner.

Another is that the Government must take the people into its confidence for, after all, it is the people who give the ruling party the mandate to govern.

Here, I wish to refer to the question of the 200,000 Chinese in Malaysia who are stateless. According to foreign reports which are not subject to local press control, the future of the 200,000 stateless Chinese in Malaysia was the subject of discussion in the talks between the Malaysian Government and the People's Republic of China on the establishment of diplomatic relations. There was a suggestion that Malaysia wants China to take back the 200,000 Chinese who are stateless in Malaysia. However, as a large percentage of the 200,000 stateless Chinese in Malaysia were born in Malaysia and who have no other country to go to, I call on the Malaysian Government to give Malaysian citizenship to those who possess all the requisite qualifications for citizenship. This is actually a local problem, a Malaysian problem, for the majority of these 200,000 are the brothers, sisters, parents, children, of we ourselves, the Malaysian citizens.

I have come across large numbers of cases of applicants for citizenship by both Chinese and Indians who have all the necessary qualifications and who have passed the Bahasa Malaysia test, but they are rejected *en masse* without any reasons being given.

The Malaysian Government should liberalise the application of citizenship laws to enable those of the 200,000 stateless Chinese born in Malaysia and local-born Indians and those who have put down their roots in Malaysia to acquire Malaysian citizenship. It is my belief that such a liberal policy will strengthen the national unity of the country, for it will remove a deep source of socio-economic discontent in the country over very legitimate reasons.

The Honourable Prime Minister said yesterday that Malaysia is a nation in transition and that we are seeking, among other things, to establish our own national identity, "an identity which synthesises and blends into the mould of the Rukunegara our diverse races and cultures."

The evolution of a Malaysian culture must involve the participation of all cultural groups and traditions in Malaysia, and any change must not be the result of Government

decree, but through the voluntary acceptance of the people. I hope in all future cultural conferences, all cultural groups will be fully represented, unlike in the past where only one cultural group participated. Thank you very much.

5.36 ptg.

**Tuan Lim Pee Hung (Alor Star):** Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin untuk berucap dalam bahasa Inggeris.

**Tuan Yang di-Pertua:** Fasal apa? Tidak boleh cakap dalam Bahasa Kebangsaanakah?

**Tuan Lim Pee Hung:** Susah sedikit, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah!

**Tuan Lim Pee Hung:** (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I am happy to have this opportunity to speak on the Motion tabled by the Prime Minister, Tun Haji Abdul Razak, on the adoption of the Mid-Term Review of the Second Malaysia Plan. It is indeed heartening to note that our economy, under the able management of Tun Tan Siew Sin, our Minister of Finance, has progressed remarkably, and I would like to speak on the manufacturing sector.

The manufacturing sector, as reflected in the Mid-Term Review, is the leading sector in the expansion of the Malaysian economy. On employment, it is expected to generate 161,000 jobs by 1975. It has also been accorded a strategic role of income generation and restructuring of society, particularly in the creation of a Malay commercial and industrial community. We are, however, reminded that, as a basic objective of the New Economic Policy to create a viable and thriving modern commercial and industrial community of Malays, the non-Malays would not be deprived of the opportunities in this sector. With this assurance, I assume that the non-Malays would be given the necessary encouragement and assistance to develop themselves further in this fast-growing sector. I am, however, concerned that the share of capital ownership of the non-Malays may be stagnated in the face of heavy influx on foreign investment in this sector. In the long-term interest of our nation, it would be unwise to let foreigners dominate our economy. I must,

therefore, strongly urge the Government to encourage not just joint ventures between State-owned corporations and foreign firms but joint ventures among State-owned corporations with non-Malay participation and foreign firms as well. Such an action should then help to check the balance in ownership as projected in the New Economic Policy among the various races and foreigners.

On the employment scene, in the manufacturing sector, Malay employment now accounts for about 45% of the total employment. This, again, is a very good improvement bearing in mind the original high composition of the non-Malay employment in this sector not so long ago. On the managerial and professional group, Malay employment is 13%. It is obvious that the growth rate for this category must be slower as universally the ratio of managers as a proportion to the total employment is estimated at 2.6%. In other words, of the 100,000 jobs created up to 1973 in the manufacturing sector there would be only 2,600 managerial positions—a slow growth. The Malay share is further hampered by a lack of qualified Malays.

In order to pursue the employment policy of reflecting racial composition of the country in industries, this must necessarily restrict the employment opportunities of the non-Malays, 70% of whom are urban population where the industries are presently located. Consequently, the urban unemployment is higher than the national average.

I am encouraged to note there would be major efforts from the Government to develop small-scale industries. This is most desirable. As a relief for urban employment, the Government should not overlook to provide such opportunities to the new villages as well where a large majority of the urban have-nots live. Facilities such as land and loans required for small-scale industries, electricity and water, etc. should be provided.

Loans from Credit Guarantee Corporations should also be extended liberally to the non-Malays. I feel our efforts in this direction would be a tremendous boost to our employment and our national economy.

Mr Speaker Sir, under the second prong of the New Economic Policy a Malay

commercial and industrial community in all categories and at all levels of operation is to be created. To spearhead the efforts in the cause of creating such a Malay commercial and industrial community the Government has established such agencies as MARA, PERNAS, UDA, SEDC, MIDF and C.G.C. in order to concentrate on the development of commercial and industrial activities in the rural areas.

#### *New Growth Centres and Existing Urban Centres*

The role of these agencies is to create and expand opportunities so that Malays and other indigenous people can participate in the social economic development of our country through financial, technical and other assistance and to help them start their own commercial ventures. These agencies also have the role of acquiring share capital in existing and new enterprises to be held in trust for the Malays and other indigenous people. I have no doubt, Sir, that much effort has expanded in order to attain this objective under the New Economic Policy so that within 20 years the Malays will be able to acquire 30% of the industrial and commercial enterprises in this country. However, it is my considered opinion that it is essential for the Government and these agencies which are constituted to help the Malay participation in commerce and industry to ensure that the share capital and the assets acquired by these enterprises be effectively channelled to the rural have-nots of the Malay community and to the grassroot Malays in general so that the have-nots of the Malay community can benefit directly and seen to be enjoying the benefits of the New Economic Policy. This is a crucial step and must be effectively carried out; otherwise, it is hard to envisage that the overriding objective of national unity could be achieved. The rural have-nots of the Malay community must be seen to enjoy the fruits of endeavour in our social economic progress and the prosperity of our nation, and it is important that the Government and these agencies conscientiously make an effort to effectively pass down wealth acquired to each and every have-not of the Malay community so as to improve their quality of life in respect of educational facilities, housing, sanitation, health and social services. Trusteeship of wealth and share capital is never a wholly satisfactory arrangement.

In the Mid-Term Review it is envisaged that an accelerated effort will be made in the coming years by these agencies to create a viable commercial community among the Malays. It is my considered opinion, Sir, that the passing down of wealth and share ownership by these public agencies should be accelerated in consonance with the efforts exerted by the Government. Thus, every effort must be made to ensure that the standard of living of the rural Malays be uplifted and their quality of life be improved in accordance with the social economic progress of our country, while at the same time the Government must also ensure that in the process of creating a Malay commercial and industrial community no group should feel a sense of loss or deprivation. These two are the key factors for the success of the New Economic Policy. Unless such mutual understanding is clearly understood by all, the New Economic Policy and the Second Malaysia Plan, which is the blueprint for our national unity, will not only be unable to create a united Malaysian society, but rather it would lead to a disunited and disintegrated society in the future.

*5.45 p.m.*

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak (Kuala Selangor):** Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari semalam di atas usul Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua Tahun 1971-1975.

#### *Membasmi Kemiskinan*

Rancangan Malaysia Kedua ini tujuannya yang penting sekali ialah membasmi kemiskinan, tanpa mengira bangsa asalkan mereka menjadi warganegara Malaysia. Mereka ada tempat duduk di negeri ini, hidup dan juga tidak ada perbezaannya.

#### *Mencegah Kominis*

Keduanya, ini adalah satu senjata bagi mencegah kominis daripada merebak di dalam negeri kita oleh kerana kemiskinan adalah satu daripada hama yang kita tidak nampak, hama ini akan merebak jika rakyat Malaysia ini miskin, menderita oleh kerana apa bangsa sekalipun, baik bangsa Melayu, Cina atau India, mereka memikirkan kehidupan setiap hari yang miskin, maka mereka akan dipengaruhi oleh penganas kominis.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan pada hari semalam dan menegaskan, tetapi ada yang tidak mengerti, terutama sekali pihak Pembangkang, tidak mengerti langsung. Pihak Pembangkang berfikir Rancangan Malaysia Kedua 1971-1975 itu adalah untuk orang Melayu. Saya menyatakan demikian oleh kerana baru sebentar tadi pihak Pembangkang iaitu Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka ada menyatakan begini: Ada dua sekolah menengah yang akan didirikan di luar bandar, dia bertanya untuk siapa? Dia bukan tidak tahu mengenai penduduk di luar bandar. Mengikut Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua ini penduduk yang lebih banyak bilangannya ialah orang Melayu dan di dalam Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua ini juga menyatakan yang miskin sekali yang duduk di luar bandar adalah orang Melayu. Dia bertanya pula, sekolah itu untuk siapa? Sekolah itu ialah untuk orang Malaysia yang duduk di luar bandar. Sekolah itu untuk sesiapa juga asalkan dia hendak bersekolah, tetapi di dalam hatinya memikirkan tidak lain dan tidak bukan hanya perkauman, hanyalah untuk orang Melayu. Inilah kajian-kajian mereka yang membuat huru-hara dalam negeri ini. Saya fikir tidak ada satu negara di dalam Asia yang dasarnya cukup lemah-lembut terhadap orang yang bukan Melayu iaitu yang bukan bumiputra. Belum ada pernah lagi satu ekar tanah yang dirampas oleh bumiputra dalam negeri ini. Belum ada lagi hak yang bukan bumiputra dirampas oleh bumiputra, dan tidak ada satu kanak-kanak yang hendak masuk sekolah ditahan oleh bumiputra atau Kerajaan sekarang ini. Saya hairan apabila pihak Pembangkang menyatakan dasar-dasar perkauman, fikiran-fikiran karutnya di atas perkauman-perkauman ini, kalau merebak akan menjadi satu letupan yang besar yang tidak dapat ditahan-tahan nanti.

Tujuan Kerajaan untuk membasmi kemiskinan ini ada terkandung di dalam Buku Merah yang menyatakan terus-terang iaitu lebih kurang 34% daripada penduduk-penduduk luar bandar adalah orang-orang Melayu yang miskin yang mempunyai pendapatan kurang daripada \$100. Yang banyak sekali yang berpendapatan kurang \$100 ini ialah orang Melayu ataupun bumiputra. Di sini kita nampak terang dan nyata bahawa orang Melayu yang dikatakan

itu di sinilah bumi yang dipijak daripada dahulu sampai sekarang, dialah yang menderita sekali, sepatutnya mereka yang bukan bumiputra hendaklah menyokong di atas perkara ini supaya bumiputra itu mendapat kedudukan yang baik. Tetapi ada setengah-setengahnya mengatakan banyak bumiputra yang akan menjadi millionaire. Katakanlah 100 bumiputra yang kaya, tetapi kalau dibanci di dalam pekan beribu-ribu orang yang bukan bumiputra yang kaya-raya tidak pernah orang Melayu cakap. Apa yang orang Melayu atau bumiputra berkehendakkan iaitu hendak hidup senang sedikit selepas merdeka, bukan hendak merampas hak orang, bukan hendak dengki orang bukan Melayu. Fikiran-fikiran mereka yang hendak meracun bukan bumiputra yang taat setia kepada negeri ini. Kalau hendak meracun fikiran begini, senang sahaja macam-macam boleh dibuat tetapi merbahaya nanti. Jikalau meletus satu perkara orang inilah yang mesti dicari dahulu.

Saya bukanlah mempersoalkan kemiskinan ini terhadap orang Melayu sahaja, tetapi juga kemiskinan ini kita kaji pada semua bangsa, malahan yang banyak sekali ialah orang Melayu. Dengan sebab itulah Kerajaan Malaysia pada hari ini mementingkan kehidupan orang-orang yang duduk di luar bandar. Cuba kita tengok orang-orang di luar bandar sebelum merdeka, rumah dan pondoknya atap buruk—itulah istana mereka sampai hari ini, tidak berubah. Pihak Pembangkang tidak mempersoalkan di atas perkara ini. Tidakkah pihak Pembangkang kasihan terhadap orang Melayu dan bumiputra yang begini keadaannya. Lihat long house di Sarawak, long house juga sekarang ini, adakah long house itu sekarang ini rumah batu di Sarawak dan di lain-lain tempat? Kalau kita fikirkan tanah rezab orang Melayu yang ada hutan, bumiputra di Sabah dan Sarawak, orang lain terbang, orang lain yang ambil kayunya, orang Melayu dan bumiputra tidak marah samada di Sarawak, di Sabah dan di Malaysia ini tidak ada orang Melayu yang dengki, orang Melayu tidak busuk hati, orang Melayu beragama Islam baik budinya.

Apa yang saya mempersoalkan di sini ialah oleh kerana Kerajaan hendak bertindak tegas, sebagaimana Perdana Menteri telah berkata semalam untuk menolong bumiputra hendaklah bertindak tegas. Saya percaya

Kerajaan pada hari ini hendak bertindak tegas, tidak hendak waive ataupun longgar-kan. Kita hendakkan 30% di dalam tempoh 20 tahun bahawa iktisad dipegang oleh orang Melayu, bukan hendak 100%, kalau hendak 100% bolehlah dalam masa 20 tahun, bukan setahun, lima tahun, kita boleh buat dalam masa lima tahun, tetapi 20 tahun lamanya cara beransur-ansur sebanyak 30% bukan 40%. Bangsa asing atau non-bumiputra ambil 40%. Ada disebutkan di dalam Buku Merah ini dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tegaskan semalam lain-lain bangsa yang bukan bumiputra, yang bukan warganegara dihadkan 30%. Inilah dasar yang begini baik sekali dijalankan oleh Kerajaan Perikatan, apa hendak lagi! Orang Melayu dan bumiputra yang berjumlah 53% penduduk negeri ini hendak 30% sahaja iktisad negeri ini. Saya fikir ini sudah very lenient kata orang putih. Ini lembut betul. Tidak ada orang yang boleh buat begini. Bumiputra sahaja yang boleh buat begitu. Saya percaya pihak Pembangkang hendak membangkang, mempersoalkan, mengeluarkan cakap-cakap begitu-begini di atas perkara ini adalah untuk menyakit hati kita sahaja.

#### *MARA/PERNAS/UDA/FIMA*

Saya hendak menegor sedikit berkenaan dengan MARA, PERNAS, UDA, FIMA, Perbadanan Kemajuan Negeri dan lain-lain lagi. Oleh kerana MARA sudah lama ditubuhkan, MARA telah banyak menolong. Begitu juga PERNAS, UDA, FIMA dan Perbadanan Kemajuan Negeri-negeri. Tetapi saya hendak menegor sedikit berkenaan dengan PERNAS. PERNAS telah ditubuhkan oleh Kerajaan oleh kerana orang-orang Melayu baharu lagi masuk dalam dunia perniagaan dan perusahaan. Orang Melayu tidak tahu selok-belok perniagaan dan perusahaan. Dengan sebab itulah ditegaskan kepada PERNAS untuk menjalankan perkara ini. Kita minta kepada pihak PERNAS apa yang dijalankan oleh bumiputra dan perniagaan bumiputra jangan dipotong oleh PERNAS, misalnya bumiputra berkehendakkan besi, simen dan sebagainya. Ota-quotanya diberi kepada PERNAS, PERNAS ambil semua dan tidak memberi kepada bumiputra yang menjalankan tugas-tugasnya. Sebaliknya PERNAS hendak berniaga, orang Melayu yang digalakkan berniaga tidak dapat buat apa-apa oleh

kerana PERNAS telah membolot semuanya dan dibuat catuan; kalau hendak besi diberi 1 tan, 2 tan, 5 tan. Tujuan untuk menubuhkan PERNAS ini bukan untuk berniaga terus, PERNAS adalah Kerajaan untuk menolong bumiputra dalam dunia perniagaan dan perusahaan. Inilah yang dibisikkan oleh rakyat bagaimana PERNAS ini, bagaimana perjalanannya.

Berkenaan dengan UDA. Banyak UDA telah buat, kalau kita tengok Kuala Lumpur pada hari ini, kita nampak bangunan yang dibuat oleh UDA ataupun UDA berkongsi dengan pihak lain-lain. Tetapi yang patut ditegor iaitu jikalau pihak pemodal non-bumiputra tidak ada berduit, jikalau bangunan itu tidak boleh siap, maka pergi berjumpa UDA; maka UDA mengambil bahagian sama. Kalau begini caranya maka sudah terkeluar daripada tujuan yang asal.

Adalah diharap jika UDA hendak mengambil satu-satu projek. UDA mempunyai sekurang-kurangnya 51%, dapat bersuara. Kalau tidak begitu, cuma menanam saham 30%, 20%.

Begitu juga kepada Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri. Ada satu syarikat sheet glass di Sungai Buluh. Kerajaan Negeri cuma menanam modal 10%, Perbadanan Kemajuan Negeri Perak menanam 10%, jadi 20% sahaja. Bagaimana? Kalau hendak menanam modal, kalau hendak memegang teraju di dalam satu-satu syarikat itu mestilah mempunyai lebih daripada 50% atau 51%.

Berkenaan dengan FELDA pula, banyak lagi orang-orang Melayu dan orang-orang yang lain juga yang hendak masuk ke FELDA yang telah dipilih sampai sekarang belum lagi dapat masuk. Saya harap kepada pihak FELDA supaya beribu-ribu orang yang telah diintihan mestilah dipanggil sekarang dengan seberapa segeranya oleh kerana masanya telah terlewat. Tanahnya mestilah dibuka dan dipanggil mereka ini. Kadang-kadang ada setengah-setengahnya sampai dua tiga tahun sudah diintihan dan sudah dipilih belum juga lagi dipanggil mereka ini.

Lembaga Pemasaran Pertanian. Di sinilah yang penting sekali. Saya fikir, oleh kerana kebanyakan orang Melayu yang duduk di luarbandar, kemiskinan orang Melayu ini oleh kerana banyak sangat lintah darat

(middleman). Apa yang ditanam oleh orang Melayu di kampung? Ada dua tiga ekar kelapa misalnya di Kuala Selangor, sebelum kelapa-kelapa ini tua, sebelum kelapa ini dijolok, orang tengah sudah sampai, beli kelapa ini. Dibelinya dengan cara murah sekali, sebab orang kita di luarbandar yang mempunyai dua tiga ekar tanah ini. Mereka ini orang yang miskin, hendak membeli beras. Beras dibeli secupak pagi dan secupak petang. Dengan sebab itu, mereka hendak membeli barang-barang keperluan terpaksa-lah mereka dapatkan duit pendahuluan daripada lintah-lintah darat (middleman) maka kelapa-kelapa mereka ini telah terpulang kepada orang tengah ini. Dengan sebab itu, penderitaan orang-orang kita bumiputra baik orang Melayu dan lain-lain selepas merdeka terus-menerus begitu sahaja. Sungguhpun ada pertubuhan-pertubuhan pertanian, tetapi soal ini tidak dapat dibuat apa-apa. 16 tahun lamanya kita ada mempunyai Lembaga Kemajuan Kampung, Lembaga Kemajuan Daerah, samada di sini, di Sabah dan di Sarawak, tetapi soal bumiputra yang duduk di kampung-kampung, pendapatannya, sungguhpun ada rancangan luarbandar: air, api letrik, talipon, tempat-tempat kesihatan, sekolah dan sebagainya, kehidupan rakyat ini begitu juga. Di sini mesti ada salahnya. Di mana salahnya? Lintah-lintah darat ini, iaitu orang-orang tengah yang memicit kehidupan rakyat di kampung-kampung. Apa yang kita mesti buat? Lembaga Kemajuan Daerah sekarang dikatakan Badan Tindakan Daerah, Selepas 13 Mei. Lembaga Kemajuan Kampung sepertimana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengatakan sekarang hendak diadakan seorang Penolong Pegawai Daerah untuk menengokkan bagaimana Lembaga Kemajuan Kampung ini akan berjalan. Saya ingat ini bagus betul. Lembaga Kemajuan Kampung bermesyuarat empat lima bulan sekali, panggil penghulu, bermesyuarat. Mesyuarat cara dahulu juga. Sebab apa? Tidak ada apa-apa. Apa yang dicakapkan oleh Jawatankuasa Lembaga Kemajuan Kampung mengenai parit tepi jalan, logkang, tanah merah, paip-air, bila akan sampai. Sedikit tidak ditumpukan berkenaan iktisad orang-orang Melayu di kampung. Bagaimana lintah-lintah darat telah menghisap darah mereka. Ini tidak dipersoalkan, melainkan longkang, taliair, parit kecil, begitu juga apabila pergi ke Lembaga Kemajuan Daerah, oleh kerana ini telah

dibentuk sudah lama. Di dalam Lembaga Kemajuan Daerah ada wakil-wakil rakyat, adalah pegawai-pegawainya, tetapi pegawai-pegawai ini tidak dapat untuk membentuk bagaimana masyarakat kampung ini ataupun meninggikan taraf hidup orang-orang kampung. Sebab apa, ada dua ekar tanah kelapa, dua ekar tanah sawah, tanah hutan tidak ada di sana, habis bagaimana hendak meninggikan taraf hidup. Apa yang kita harus buat? Kita harus bincangkan bagaimana kita akan meninggikan taraf hidup orang Melayu atau bumiputra ataupun orang-orang lain iaitu orang-orang di dalam New Villages dan sebagainya. Apa yang ada di tempat itu? Misalnya kelapa. Selama ini dengan tindasan-tindasan daripada orang-orang tengah, maka orang-orang yang mempunyai tanah kelapa menderita. Apa salahnya mendirikan kilang kelapa di kawasan ini?

#### *Kilang Minyak*

Di kawasan saya Kuala Selangor, ada empat kilang minyak kelapa, empat kilang kelapa ini boleh hidup di sana. Tetapi apabila disuruh MARA mengkaji semula samada boleh atau tidak mendirikan satu kilang, katanya tidak boleh. Apa sebab? Bahan tak ada. Bagaimana empat kilang kelapa boleh berdiri di Kuala Selangor misalnya, tetapi kalau disuruh MARA mengkaji, katanya tidak boleh, tak dapat. Apa sebabnya tak dapat? Tak ada bahan. Bukankah bumiputra menanam pohon kelapa? Kelapa ini boleh dibawa ke kilang-kilang dan bahan ini akan dijadikan, misalnya minyak kelapa dan sebagainya. Tetapi kilang-kilang empat buah ini boleh hidup terus, maju dan berkembang. Perkara ini, mesti dikaji betul-betul dari satu daerah ke satu daerah dan semua pegawai-pegawai daripada MARA, PERNAS, UDA, FIMA, FELDA dahulu tidak ada orang ini, semuanya mesti masuk di dalam rancangan luarbandar daerah ini. Kalau tidak begitu tidak boleh jadi.

#### *Majuikan/Majuternak*

Berkenaan dengan Majuikan dan Majuternak. Majuikan ini, saya dapati di kawasan-kawasan orang Melayu, terutama sekali orang-orang Melayu yang menangkap ikan, daripada 16 tahun sampai hari ini kehidupannya tidak ada berubah sangat. Baharu-baharu ini ada ditubuhkan Majuikan, ada ditubuhkan Majuternak, tetapi saya

tengok, di tempat-tempat yang saya lawati iaitu Pejabat Perikanan (Fisheries) tidak betul-betul menyelidiki bagaimana untuk menolong orang-orang kampung menternak ikan, baik ikan laut, ikan darat, atau ikan sungai. Bertahun-tahun lamanya yang saya nampak ikan talapiah. Ikan talapiah ini hanyahnya tidak boleh cakap, tulangnya banyak. Di negeri-negeri asing seperti di Taiwan, saya dapati ikan-ikan laut dibela di tepi pantai. Ikan senangin boleh dibela. Udang boleh dibela. Ketam boleh dibela. Fasal apa boleh dibela? Kita di sini tidak dapat buat apa-apa. Kedudukan negeri kita, ketam adalah yang paling subur sekali oleh kerana kita tidak ada musim sejuk seperti di Taiwan. Begitu juga ikan, tak ada musim sejuk, tidak payah dipanaskan airnya, begitu juga yang lain-lain. Tetapi oleh kerana difikirkan tidak apalah, sebab negeri ini sudah kaya dengan getahnya, dengan oilpalmnya, dan dengan bijih timahnya. Orang kampung tidak ada bijih timah berapa ekar getahnya, berapa kayanya. Jadi, apa yang dikatakan atau dikeluarkan oleh pihak Pembangkang iaitu orang Melayu miskin itu bukan kerana apa-apa, negeri kita cukup kaya, tetapi penyelidikan tidak dapat dijalankan dengan sempurna. Maka pada masa yang akan datang jikalau rancangan luarbandar ini hendak lebih maju lagi—sekarang ini sudah maju, mestilah perkara-perkara ini hendak dijalankan.

#### *Tanah Sawah*

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap berkenaan dengan tanah-tanah supaya dikaji balik. Tanah-tanah sawah yang di luarbandar yang luasnya satu dua ekar, tiga ekar memang-memang tidak ada mendatangkan iktisad. Dua ekar kalau ditanam dua kali berapa boleh dapat dalam sebulan? Setinggi pendapatannya \$120 sebulan. Itu yang habis tinggi. Itu sudah terok sangat dia bekerja. Siang malam ia bekerja, pakai traktor, kena taroh baja, racun dan sebagainya. \$120 itulah yang didapati oleh tiap-tiap penduduk di luarbandar. Bagaimana Kerajaan hendak meninggikan taraf hidup

mereka sampai \$400 sebulan? Jadi mestilah sekarang diubah cara-caranya. Sekarang ini ditanam dua kali, 3 kali langsung tidak boleh kerana berkehendakkan air dan manusia tidak boleh bekerja begitu terok sekali. Ini mesti difikir. Tanah-tanah yang begini dikumpulkan, berapa banyak tanah begini. Petani ini tidak payah kerja lagi. Dia boleh kerja lain. Apa salahnya kita tiru seperti yang dibuat oleh Russia, tetapi jangan cara Russia dibuat, iaitu Russia membuat "collective farming". Buat "collective farming" di Malaysia ala Malaysia. Yang lain itu bolehlah berternak, dibuatkan satu kawasan yang besar-besar di mana mereka ini berternak. Ada pula tempat mereka memelihara ikan beramai-ramai dan ada pula orang bekerja di ladang-ladang yang ada mempunyai 2 ekar sahaja dikumpulkan sehingga 300 ekar. Di situ mereka bekerja. Cara ini dapat meninggikan taraf hidup mereka. Mereka yang berternak dan memelihara ikan hendaklah buat kilang untuk mengtin barang-barang ini untuk eksport. Ini saya tengok bagaimana Kerajaan Taiwan telah buat terhadap peladang-peladang yang mempunyai dua tiga ekar tanah.

#### *Melayu dalam Perniagaan dan Perusahaan*

Berkenaan dengan perdagangan dan perusahaan untuk orang Melayu. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian apabila membuka kilang di Batu Tiga baru-baru ini telah menegur bahawa beliau tidak puas hati berkenaan dengan orang Melayu di dalam dunia perniagaan dan perusahaan. Teguran itu dibuat masa pembukaan kilang Volvo. Tegurannya itu saya sokong betul, kerana memang dasarnya betul, jalannya bagus, iaitu 30% orang Melayu, bumiputra akan masuk dalam dunia perniagaan dan perusahaan, tetapi yang sebenarnya 3% pun bumiputra tidak dapat masuk. Ini silapnya adalah daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, bukan kerana tidak ada arahan, tetapi apabila ada arahan itu, orang Melayu ataupun bumiputra yang cenderung dalam dunia perusahaan ini

tidak dapat masuk. Orang Melayu atau bumiputra hendak menjadi distributor misalnya atau ejen-ejen dalam satu-satu syarikat, kilang-kilang, payah betul mendapatnya. Tetapi pihak Pembangkang memikirkan orang Melayu cukup senang sahaja mendapatkan apa-apa, oleh kerana bumiputra ada special rights, sebenarnya lebih susah lagi. Betul, apa yang dikatakan orang non-bumiputra ada duit senang sahaja menjalankan perusahaan. Tetapi kepada pihak bumiputra oleh kerana bumiputra susah, tidak ada berduit lagi susah, sungguhpun ada hak istimewanya. Maka dasar Kerajaan itu mesti dijalankan betul-betul oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Apa yang dijalankan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian pihak swasta tidak ambil peduli. Hantar surat, pihak swasta tidak ambil peduli. Jadi apa tindakan yang akan dibuat? Tidak dapat dibuat apa-apa, cuma ini adalah dasar sahaja. Apa tindakannya kalau dia tidak memberi, misalnya satu-satu ejen apa yang Kementerian Perdagangan dan Perindustrian boleh buat. Itu yang susahya kepada pihak bumiputra dan pihak bumiputra juga susah sekali oleh kerana sabotage ada dijalankan di dalam Kementerian-kementerian. Ini mesti diawasi betul-betul oleh pihak-pihak Kerajaan jikalau betul-betul tegas bagi menolong orang Melayu dan bumiputra boleh masuk di dalam lapangan perniagaan perusahaan dan lain-lain. Kalau tidak, macam mana tegas pun, kalau tak dijalankan dengan betul-betul oleh Kementerian yang bertanggungjawab, maka payah sangat orang Melayu hendak buat apa-apa. Kalau tidak percaya cakap saya, boleh tanya kepada sesiapa juga yang berkenaan dengan ini.

#### *Tanah*

Selain daripada itu saya juga tahu iaitu tanah dipunyai oleh State. State mempunyai tanah yang banyak. Apa salahnya tiap-tiap sebuah Negeri mempunyai tanah dalam pekan dan tanah di lain tempat daripada joint-venture ataupun masuk share dengan JDA misalnya, dengan MARA, dengan PERNAS sebab orang Melayu belum ada

modal lagi. Saya membaca suratkhbar baru-baru ini orang minta tanah-tanah State joint-venture dengan orang lain. Jadi apabila dengan orang lain, kalau hendak buat perumahan, ada State land, maka rumah-rumah itu akan lebih mahal lagi dan bumiputra tidak ada peluang membelinya. Pada masa yang akan datang, sebuah pekan yang dinamakan Bangi akan muncul, tidak jauh daripada Kuala Lumpur. Tanah ini akan dibeli oleh Perbadanan Negeri Selangor, seluas 4,000-5,000 ekar. Rancangan Kerajaan iaitu untuk menempatkan orang Melayu atau bumiputra akan masuk ke sana juga bersama-sama dengan saudaranya orang lain, non-bumiputra di tempat itu. Saya hendak menengok, dapat atau tidak bumiputra untuk membeli sekurang-kurangnya 30% daripada tanah-tanah yang akan diuntukkan kepadanya baik kedainya, tapak kilangnya dan lain-lain.

Barang-barang ini, kalau kita hendak pergi ke Kelang, kita akan jumpa Subang Jaya—satu bandar baharu akan didirikan. Memang baik untuk mendirikan bandar baru di situ, pihak swasta daripada luar negeri dengan swasta dalam negeri mengeluarkan lebih kurang \$800 juta untuk menubuhkan sebuah pekan baru. Tetapi yang saya dengar 30% rumah, tak usahkan modal, 30% rumah itupun tidak dapat dibeli oleh bumiputra. Diberi tempoh kalau dalam masa 8 bulan tidak diambil oleh bumiputra—habis maka akan diberi kepada orang lain. Walaupun pekan-pekan baru dibuat, walaupun rancangan-rancangan lain dibuat, tetapi jikalau misalnya tidak diambil dengan sebetul-betulnya oleh Kerajaan, ditengokkan oleh Kerajaan, maka peluang-peluang ini akan habis juga.

#### *Petrol Based Industries*

Saya hendak bercakap berkenaan dengan petrol based industries di Tanah Melayu sebagaimana yang telah dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semalam. Nasib baik kita pada hari ini, negeri-negeri Arab berbaik dengan kita diberinya negeri kita minyak, tetapi pada masa yang akan

datang bagaimana pula? Saya dengar kita akan dapat minyak yang dikeluarkan oleh negeri kita sendiri. Misalnya baru-baru ini kita dapat telaga minyak di Pahang dekat dengan Kuantan dan di lain-lain tempat. Kita mesti ingat, di negeri kita ini sekarang sudah banyak kilang-kilang yang membuat plastic dan sebagainya. Pada hari ini harga plastic cukup tinggi, melambung tinggi harganya, maka mestilah diingat iaitu pada masa yang akan datang minyak mentah jangan dijual begitu sahaja, tetapi hendaklah dibuat satu petroleum based-industries di negeri kita ini.

Pada hari ini orang-orang Arab menjual minyak kepada kita oleh kerana dasar kita terbaik-terbaik dengan Arab tidak macam orang Amerika dan Yahudi, maka dengan sebab itu kita dapat minyak—nasib baiklah.

Berkenaan dengan pelajaran. Memang anak-anak Melayu sekarang sudah bertambah, sudah maju nampaknya, tetapi sekolah-sekolah yang ada di kampung-kampung, nama sahaja ada sekolah, tetapi kelengkapan-kelengkapannya cukup kurang—pihak Pembangkang tidak tahu hal itu. Kalau di Sekolah-sekolah Melayu, sekolah-sekolah bumiputra di kampung-kampung tidak ada kelengkapan, bilik sainsnya tidak berapa lengkap, gurunya tidak begitu cekap, oleh kerana guru-guru yang cekap mengajar di dalam bandar. Pada masa yang akan datang, saya minta guru-guru yang cekap dan juga perkakas-perkakas sains yang lengkap mestilah dihantar ke luar bandar, macam mana yang didapati di dalam bandar begitu juga mesti didapati oleh orang di luar bandar.

### *Sekolah*

Baru-baru ini saya minta sebuah sekolah di Asam Jawa, Kuala Selangor. Diminta barangkali sudah 16 tahun dahulu. Sekolah ini sudah didirikan di waktu penjajah dahulu lebih kurang 50 tahun sudah. Apa priority? Priority diberi kepada sekolah Inggeris di dalam pekan. Ini berulang-ulang tiap-tiap tahun diminta begitu juga, bukan sebuah sekolah, berapa banyak Sekolah Kebangsaan Melayu di kampung-kampung yang tidak dipedulikan, maka dengan sebab itulah kebanyakan penuntut-penuntut Melayu tertinggal. Bukan kerana apa kerana kelengkapan dan gurunya kurang.

Yang kita minta ini bukan untuk orang Melayu sahaja, tetapi untuk rakyat Malaysia seluruhnya untuk membasmi kemiskinan dan sebagainya. Ada satu sekolah, namanya Sekolah Bagan Tasek, sekolah rakyat. Sekolah ini telah dimakan oleh laut. Lama-kelamaan sekolah ini hendak tumbang, diminta juga kepada Kerajaan, ditulis surat tidak dapat; mesyuarat, bertengkar—tidak dapat. Saya katakan masukkan dalam minit mesyuarat. Kalau misalnya sekolah ini tumbang dan murid-muridnya mendapat kemalangan terpaksa Kerajaan akan mengganti nyawa murid-murid ini. Nasib baik bila sekolah tumbang tidak ada murid dalam sekolah itu.

Sampai hari ini Kerajaan atau pihak Kebajikan Masyarakat tidak hendak menolong Sekolah Jenis Kebangsaan Cina itu dan dengan sebab itu, saya minta kepada pihak yang bertanggungjawab samada Kementerian Pelajaran ataupun kalau Kementerian Pelajaran tidak sanggup, maka Kementerian Kebajikan Am dapat menolong untuk mendirikan sekolah ini lagi di tempat yang lain pula. Dikatakan dalam Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua 1971-1975, kita tengok kemajuan-kemajuan ini. Sekolah itu ada, kemajuan tidak ada. Dengan sebab itu, saya minta kepada Kerajaan menengokkan di atas perkara sekolah ini tadi.

### *Barang Mahal*

Berkenaan dengan barang-barang mahal. Pihak Pembangkang telah bercakap mengenai barang-barang mahal dengan panjang lebar: barang ini mahal, barang itu mahal. Kerajaan Perikatan bukan tidak tahu barang-barang itu mahal, barang-barang ini semuanya mahal, dia tahu. Saya juga sebagai Wakil Rakyat dan barangkali banyak juga Ahli dalam Dewan ini yang pergi ke kampung. Inilah yang kita dengar, mengapa barang mahal? Kita mengatakan: "Apa boleh buat, barang mahal, oleh kerana seluruh dunia ini harga barang sudah mahal, macammana hendak buat?" Macammana pihak Pembangkang bercakap kita pun bercakap begitu juga bahawa barang sudah mahal, begitu juga beras. Di Singapura harga beras sampai \$6 segantang, di sini kita nasib baik harga \$3.80 segantang.

Kalau orang Singapura datang ke Johor beli nasi bawa balik ke Singapura. Mereka juga membeli sabun FAB beberapa kotak

bawa ke Singapura. Barangkali kalau pihak D.A.P. dan P.A.P. hendak tahu, oleh sebab dia adek-beradek lebih kurang, pergilah ke Singapura dan tanyalah betul-betul. Betul atau tidak harga barang-barang di Singapura lebih dahsyat lagi daripada Malaysia.

Di Tanah Melayu ini, di Malaysia ini barang-barang adalah lebih murah lagi—memang lebih murah. Ini bukan kerana saya sebagai Wakil Rakyat Perikatan, tidak. Tetapi ini perkara benar, adalah benar di Malaysia ini lebih murah lagi barang-barang dari Singapura, orang Malaysia ini boleh

dikatakan lebih elok lagi daripada kedudukan di negeri jiran kita.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Panjang lagikah Yang Berhormat?

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Dalam 20 minit lagi.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat boleh sambung esok dalam masa 10 minit lagi. Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*